

Volume II
No. 48



Thursday
9th February, 1961

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

EARLIER RESUMPTION (Motion) [Col. 5251]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 5251]

MOTION—

The Second Five-Year Plan, 1961-1965 [Col. 5259]

ADJOURNMENT (Motion) [Col. 5322]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, PEMANGKU PENCHETAK KERAJAAN
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

1962



FEDERATION OF MALAYA
DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 9th February, 1961

The House met at 9.30 a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR,
S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.

- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

The Honourable ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).

- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J. (Johore Bharu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR. BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Malacca Selatan).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW (Sepang).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG (Alor Star).
- „ DR. LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jejebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).

The Honourable DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).

- „ ENCHE' MOHAMED SULONG BIN MOHD. ALI, J.M.N. (Lipis).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ DATO' ONN BIN JA'AFAR, D.K., D.P.M.J. (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH (Perlis Utara).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Malacca).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TENGKU INDRA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, J.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED (Kemaman).
- „ ENCHE' WOO SAIK HONG, P.J.K., J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Prime Minister and Minister of External Affairs, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

- „ the Minister of Internal Security; DATO' DR. ISMAIL BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johore Timor).

- The Honourable the Minister of the Interior, DATO' SULEIMAN BIN DATO' ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Muar Selatan).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ the Minister of Transport, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- „ the Minister of Commerce and Industry, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N., (Johore Tenggara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Malacca Utara).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT (Penang Utara).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Justice, TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.

PRAYERS

(Mr. Speaker *in the Chair*)

EARLIER RESUMPTION

(Motion)

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr. Speaker, Sir, I beg to move,

That the House at its rising this day shall resume at 9.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided in Standing Order 12.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Sir, I beg to second the motion.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the House at its rising this day shall resume at 9.30 a.m. tomorrow instead of 10 a.m. as provided in Standing Order 12.

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

Memakai Dewan Sekolah Tuanku Abdul Rahman untuk Majlis Cheramah Kaum Ibu UMNO

1. Enche' Othman bin Abdullah bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan sedar bahawa Dewan

Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, telah di-gunakan untuk mengadakan seminar Kaum Ibu UMNO pada akhir bulan December tahun 1960; jika beliau sedar, apa-kah di-bolehan sa-sabuah bangunan sekolah Kerajaan di-gunakan oleh sa-sabuah parti politik bagi maksud seperti itu; jika tidak boleh, apa-kah tindakan yang akan di-ambil oleh Kerajaan terhadap Pengetua Sekolah itu atas membenarkan bangunan itu di-gunakan seperti itu.

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, ya, Kerajaan sedar akan Majlis Cheramah yang di-adakan di-Dewan Sekolah Tuanku Abdul Rahman. Kerajaan tidak bermaksud hendak mengambil apa² tindakan terhadap Pengetua Sekolah itu kerana kebenaran bagi menggunakan Dewan itu telah di-perkenankan dengan rasminya oleh Pendaftar Sekolah², Perak, menurut Peratoran 54 (1) (b) dalam Peratoran ('Am) Sekolah², 1951.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah di-bolehan bangunan sa-sabuah sekolah Kerajaan itu di-gunakan oleh parti politik?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peratoran seperti yang saya sebutkan

Pendaftar² Sekolah ada berkuasa menggunakan kuat-kuasa-nya membenarkan atau pun menegah.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, adakah Pendaftar Sekolah ini membenarkan kerana parti Kerajaan atau Pendaftar ini memang menggunakan kuat-kuasa-nya sama tengah dalam hal ini?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Saya mempunyai kepercayaan yang penuh ia-itu Pendaftar Sekolah negeri ini boleh menggunakan kebijaksanaan-nya masing².

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Boleh-kah parti lain memakai Dewan sekolah itu bagi tujuan yang tersebut?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Perkara itu tidak berbangkit sebab tidak ada.

Murid² yang Lulus Peperiksaan Masok Sekolah Menengah

2. Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda bertanya kepada Menteri Pelajaran kenapa-kah hanya murid² yang mendapat taraf kumpulan (A) dan (B) dalam peperiksaan masok ka-sekolah menengah sahaja yang di-terima untuk masok ka-sekolah menengah bagi mereka yang datang dari sekolah rendah kebangsaan, sedang murid² yang dari sekolah rendah jenis kebangsaan di-terima hingga taraf (C).

Mr. Speaker: Yang Berhormat Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda!

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Menurut Peratoran Meshuarat 24 (2) saya ambil soalan ini menjadi soalan saya.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah benar bahawa hanya murid² Bahagian A dan B sahaja dari Sekolah Kebangsaan di-naikkan darjah manakala murid² Bahagian A, B dan C dari Sekolah Jenis Kebangsaan di-naikkan ka-darjah menengah. Murid² Bahagian C dari semua sekolah telah di-naikkan darjah dengan sa-berapa ramai yang

dapat sa-lepas murid² Bahagian A dan B semua-nya di-naikkan darjah dan di-beri tempat. Sa-hingga akhir bulan lepas hampir² 4,000 murid yang mendapat C dari Sekolah Kebangsaan telah di-beri tempat di-sekolah menengah.

3. Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa-kah bilangan murid² yang mendapat taraf kumpulan (A), (B) dan (C) dalam peperiksaan yang tersebut itu masing² dari sekolah² rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, bilangan murid² yang mendapat Bahagian A, B dan C dalam peperiksaan Sekolah Menengah Tanah Melayu 1960, yang belajar di-Sekolah Kebangsaan dan di-Sekolah Jenis Kebangsaan ia-lah:

	Bahagian		
	A	B	C
Bahasa Penghantar Bahasa Melayu	308	2,050	13,337
Bahasa Penghantar Bahasa Inggeris	5,057	5,506	12,848
Bahasa Penghantar Bahasa China	3,104	6,115	15,832
Bahasa Penghantar Bahasa Tamil	145	594	2,068

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Boleh-kah Menteri Yang Berhormat menerangkan sebab-nya murid² dari Sekolah Kebangsaan sangat kurang yang lulus dalam Bahagian A?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Sebab-nya akan di-siasat oleh sa-buah jawatan-kuasa yang sedang menjalankan tugas-nya, sa-hingga ini saya tidak dapat memberi sebab-nya.

4. Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa orang-kah murid² dari kumpulan (C) yang tidak mendapat tempat dalam sekolah menengah mengikut jenis sekolah rendah itu, dan apa-kah rancangan yang telah di-jalankan bagi memberi pelajaran lanjutan dan teknik kepada mereka itu, dan nyatakan di-mana tempat²-nya dan bagi berapa orang-kah.

Mr. Speaker: Yang Berhormat Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda!

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut di-bawah Standing Orders 24 (2) saya ambil soalan ini menjadi soalan saya.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Tuan Yang di-Pertua, seramai 44,085 orang murid dari Sekolah² Kebangsaan dan Sekolah² Jenis Kebangsaan yang telah mendapat bahagian "C" di-dalam peperiksaan di-Sekolah Menengah Tanah Melayu tahun 1960, akan tetapi dukachita di-nyatakan bahawa angka² mu'tamad telah menunjukkan bilangan murid² dalam bahagian "C" itu yang tidak dapat masuk di-Sekolah² Menengah belum di-dapati lagi.

Murid² bahagian "C" yang tidak dapat masuk ka-Sekolah Menengah biasa, boleh meneruskan pelajaran menengah mereka di-darjah² Pelajaran Lanjutan. Sa-buah darjah Pelajaran Lanjutan boleh di-buka di-mana tempat yang ada sa-ramai 15 orang murid-nya atau yang berhajat belajar dalam peringkat yang sama sa-kira-nya boleh dapat guru²-nya. Dukachita di-nyatakan bahawa angka² itu belum dapat lagi di-adakan bagi tahun 1961, akan tetapi di-dalam tahun 1960 ada 623 buah darjah Pelajaran Lanjutan dengan sa-ramai 16,440 orang yang menerima pelajaran menengah dan 8 buah darjah Lanjutan yang di-beri pelajaran technical kapada 140 orang penuntut. Saya akan memberi Ahli Yang Berhormat itu satu senarai yang menunjukkan pusat Pelajaran Lanjutan yang memberi pelajaran tinggi dan memberi kursus teknik pada tahun 1961. Oleh kerana senarai itu sangat panjang, saya berharap dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ta' payah saya mengambil masa yang lanjut dalam Dewan ini untuk membachanya.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, bila boleh di-dapati angka bagi penuntut "C" yang tidak lulus itu, ada-kah di-anggarkan sa-bulan dua lagi atau pada tahun hadapan.

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Saya fikir dalam sa-minggu dua lagi.

Membership of the Employees Provident Fund Board

5. Enche' V. David asks the Minister of Finance to state the reasons for deviating from previously established procedure of accepting nominations from M.T.U.C. to the E.P.F. Board.

Enche' Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Kerajaan menjemput nama² chalun untuk di-timbangan menjadi ahli Lembaga Employees Provident Fund dari persatuan² pekerja dan majikan Kerajaan tidak perlu menerima chadangan² ini. Pihak Malayan Trade Union Congress telah pun diberitahu berkenaan dengan hal ini mengikut surat yang bertarikh pada 7 haribulan August, 1957. Oleh hal yang demikian, lantekan mereka yang bukan dari chalun² M.T.U.C. itu tidak-lah sa-kali² terkeluar dari atoran² yang biasa.

Mengikut Fasal 3 (1) Undang² E.P.F. saya berkuasa sa-bagai Menteri Kewangan melantek ahli² Lembaga ini. Kuasa saperti ini sangat mustahak kerana dengan jalan ini dapat-lah Menteri Kewangan itu menimbangkan supaya sa-sorang yang di-lantek mewakili pekerja² itu ada-lah orang yang boleh mewakili sa-genap lapisan pekerja² dan ia juga mempunyai kelayakan dan pengalaman yang boleh memandu dia di-dalam perbincangan Lembaga itu apakala menjalankan tanggung jawab-nya bagi faedah ahli² dan juga bagi faedah negara ini.

Berhubung dengan lantekan ahli Lembaga ini, Kerajaan akan terus bekerja rapat dengan M.T.U.C. dan akan memberi sa-penoh² timbangan akan shor² badan ini (*Tepok*).

Enche' V. David: Mr. Speaker, Sir, by the Minister's action, it amounts to the Government not recognising the Malayan Trade Union Congress as the sole representative body of the working class in this country.

Enche' Tan Siew Sin: That is quite correct, Sir.

6. Enche' V. David asks the Minister of Finance to state the reasons for appointing persons not connected with labour or with trade unions for appointment to the E.P.F. Board.

Enche' Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya belum pernah orang yang saperti itu di-lantek menjadi ahli Lembaga E.P.F. Saperti yang telah saya terangkan baharu² tadi, saya tidak sa-kali² menerima shor menyatakan mereka yang di-chadangkan oleh M.T.U.C. itu sahaja yang boleh dianggap mewakili semua pekerja², saya juga tidak menerima shor yang mereka ini sahaja mesti di-lantek menjadi ahli Lembaga E.P.F. itu

Kita harus ingat bahawa E.P.F. ini ada mempunyai satu juta ahli² yang membayar tetapi Ahli² kesatuan pekerja² (Trade Union) yang bergabung dengan M.T.U.C. chuma berjumlah sa-ramai 128,839 orang. Angka ini ada-lah terkurang dari 13 persen daripada ahli² E.P.F. Oleh hal yang demikian nampak-lah bahawa alasan mengatakan Congress ini sahaja yang bertanggung jawab mewakili pekerja² sa-banyak satu juta itu, sangat-lah berjauhan daripada yang sa-benar-nya (*Tepok*).

Enche' V. David: Sir, supplementary question. On previous occasions, when questions were asked regarding the E.P.F., the Honourable Minister himself had referred to the M.T.U.C. as a body which has representation on the E.P.F. Board. But it is astonishing to me that this practice has been deviated from; the M.T.U.C. has not been consulted for nominations to the E.P.F. Board. May I take it that the Government of today do not recognise the M.T.U.C. as the only body to be consulted?

Enche' Tan Siew Sin: Sir, I tried to make it clear that the Government is prepared to give the M.T.U.C. its due share of the seats for representatives of employees on the E.P.F. Board. But as I have stated already, it is obviously unfair for the Government to give the Congress the sole right of representation when it can claim, at the best possible estimate, to represent only 13 per cent. of the contributors to the E.P.F. I must say that I admire the astonishing nerve of such a claim.

Conference at Cameron Highlands

7. Enche' K. Karam Singh asks the Prime Minister to state what transpired

at the Persidangan Tinggi at the Cameron Highlands between him and the representatives of the United Kingdom Government recently.

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, wakil Kerajaan United Kingdom telah datang baharu² ini ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk membuat lawatan muhibbah, sunggoh pun begitu dalam masa itu kita telah mendapat bertukar² fikiran atas soal kedudukan Laos dan Irian Barat atas perkara² yang bersangkutan berhubung dengan negara² yang merdeka.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, I do not know whether the Deputy Prime Minister was there and whether he will be able to answer this question, but I wish to know since Laos was discussed at this Persidangan Tinggi, whether the Prime Minister of this country, since he has shown so much interest in peace over the West Irian, did also advise the United Kingdom Minister of the danger of foreign intervention in the internal affairs of Laos, and did the Prime Minister also warn through the United Kingdom Minister that America must not interfere in the internal affairs of Laos.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab pada mulanya dan saya tidak ada apa² hendak tambah lagi.

Enche' V. David: May I know whether any matter concerning S.E.A.T.O. was discussed at this meeting?

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab perkara² yang di-rundingkan atau bertukar fikiran berkenaan Laos, Irian Barat dengan perkara yang bersangkutan berhubung dengan Commonwealth—itu sahaja.

Enche' K. Karam Singh: On my supplementary question I think the Honourable Deputy Prime Minister replied that he did not know anything to that effect. I did not catch his question, Sir.

Mr. Speaker: He has replied already.

Enche' K. Karam Singh: I would want to know in respect of the

supplementary question whether the Deputy Prime Minister does not know what transpired there, or whether he knows and is just answering my second question in the negative way.

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya kata apa yang berlaku dalam rundingan itu, dan perkara yang saya boleh sebutkan hanya-lah itu sahaja.

Enche' K. Karam Singh: Mr. Speaker, Sir, is the answer to the supplementary question "yes" or "no". There must a "yes" or "no" to this question.

Mr. Speaker: He said "no".

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tidak di-jalankan persidangan itu telah di-ambil keputusan bagi menghantar senjata di-Laos.

MOTION

THE SECOND FIVE-YEAR PLAN

Order read for resumption of Debate on Question,

That this House, being deeply conscious of the need to accelerate the rate of economic growth of the country and to redress the economic imbalance between the rural and the urban populations, and recognising that the attainment of the objectives and targets of the Second Five-Year Plan is dependent upon the full co-operation and wholehearted participation of the ra'ayat, approves the proposal of the Government to implement the Second Five-Year Plan with its objectives, priorities and programmes as set out in Command Paper No. 3 of 1961. (8th February, 1961).

Question again proposed.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sa-malam untuk menerima Rancangan Lima Tahun 1961-1965 ini sa-bagai satu rancangan negara berhak-lah di-ketepikan hal itu. Pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang mungkin meng-hindarkan daripada di-terima oleh ra'ayat rancangan ini dengan memberi kerjasama seperti yang di-minta dan di-sharahkan oleh Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan ini ia-lah Kerajaan tiada mengeneipikan pileh kaseh. Sa-orang Ahli Yang Berhormat

yang terdahulu daripada saya di-sabelah sana telah pun memberi sha-rahkan dalam perkara ini. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya soal pileh kaseh ini di-ketepikan langsung supaya jangan-lah menjadi buah mulut ka-pada ra'ayat bahawa oleh kerana tempat-nya tidak mempunyai sa-orang yang berpengaruh dalam Kerajaan maka walau bagaimana pun burok-nya ia di-tinggalkan. Ada terdapat dalam Rancangan Kemajuan Luar Bandar di-sabuaah negeri Pantai Barat berlaku satu perkara yang menyedehkan ia-itu apabila Menteri Besar-nya mengemuka-kan shor² kemajuan luar bandar kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu maka di-utamakan-nya ka-wasan-nya sendiri hingga menyebabkan kawasan² yang patut lebeh banyak di-beri perhatian di-tinggalkan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, pileh kaseh seperti ini ada-lah lain daripada perasangka politik, kadang² sama fahaman politik di-tempat itu, tetapi oleh kerana di-suatu tempat bernasib baik mempunyai orang besar maka dia dapat keutamaan. Jangan-lah di-faham-kan, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya chakapkan ini sa-mata² mengemu-kakan tuduhan melulu, sebab benda ini terjadi di-tempat yang saya tengok dengan mata saya sendiri. Ra'ayat pada masa ini amat mengharapkan supaya rancangan ini mengubah nasib mereka. Maka di-antara kuman yang boleh merosakkan rancangan ini ia-lah pileh kaseh seperti yang saya sebutkan itu. Jadi harapan saya amat-lah besar supaya perkara ini di-perhati-kan.

Dalam menilai apa yang telah di-buat dahulu kita dapati di-sini dalam fasal yang ketujuh mengatakan tidak ada kajian dan perhitungan yang penoh yang telah di-buat berkenaan dengan hal orang² bekerja, maksud-nya sama ada orang dapat bekerja banyak atau sedikit, tetapi kata-nya satu penyiasatan dan kajian telah di-buat bagi beberapa buah kampong kawasan bandar dalam tahun 1959 tidak menunjokkan tingkat yang terlampau tinggi daripada pe-nganggoran. Ini-lah yang di-sebutkan oleh penyata ini. Malang-nya dalam menilai hal ini Kerajaan sudah melaku-kan kajian dalam kawasan bandar.

Penganggoran atau penganggor dalam bandar boleh di-katakan kurang daripada penganggor dalam kampung, sebab, Tuan Yang di-Pertua, apabila sa-orang menganggor dalam bandar dia tidak tahan lama, dia terpaksa balek ka-kampung, kerana menganggor dalam bandar lebih daripada masa yang tertentu akan mengakibatkan kelaparan. Jadi ini-lah sebab-nya maka ta' dapat perukoran dan perhitungan di-asaskan atas hal ini. Sa-kira-nya kita alehkan perhitungan kita dalam kawasan luar bandar maka akan ter-jumpa kepada kita penganggor-nya lebih banyak.

Dalam kawasan luar bandar ada dua jenis yang tidak bekerja. Penganggor A dan penganggor B. Penganggor A tidak bekerja langsung dan bergantung kepada ibu bapa dan sanak saudaranya. Ini banyak berlaku, tetapi penganggor B ada-lah mereka yang mendapat hasil pendapatan hidup-nya kurang daripada pendapatan, umpamanya dia hanya mendapat di-antara \$30 atau \$20 sa-bulan dan ini berlaku dalam negeri kita ini. Pada fikiran saya kedua²-nya ini patut di-perhatikan oleh Kerajaan dan tidak-lah chukup sa-mata² membasmikan penganggoran, tetapi under employment—penganggor yang kurang mendapat hasil pun hendak-lah di-beri perhatian yang banyak sunggoh pun penyata ini dalam memberikan nilai-nya dalam ranchangan ini—dalam memberi penilaian pada pekerja pada tahun 1956-1960 telah menyebutkan bahawa dua tahun yang berakhir, satu tahun yang baik dalam hal ini dan dalam para. 9 telah di-katakan dengan terang bahawa hasil daripada itu ada-lah naik tingkatan pendapat sa-orang dalam tahun 1959 dan dalam tahun 1960.

Saya tidak dapat meyakinkan kebenaran penyata ini kalau kita menimbangkan dari segi kesan yang menyentoh tiap² orang dalam negeri ini. Tetapi kalau kita hanya membuat perhitungan dari hitong panjang samata² dengan sebab perniagaan di-kilang² yang besar dan dengan sebab keuntongan di-dalam ladang yang besar telah menunjukkan angka yang tinggi dan memunchak, maka kita bahagi²kan-lah pendapatan itu daripada bilangan

penduduk Persekutuan Tanah Melayu ini ternyata-lah naik-nya kemasokan pendapatan tiap² sa-orang dari angka percentage. Itu tidak-lah chukup untuk membayangkan kepada kita bahawa itu-lah yang benar² berlaku. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tahun 1959 dan 1960 biar pun ada memberi sedikit sa-banyak pertambahan kepada hidup orang² kita, tetapi pembahagian dan perasaan itu tidak-lah boleh di-katakan sempurna, hingga terdapat-lah kita maseh banyak orang² yang belum lagi mendapat nikmat dari hasil tahun 1959 dan 1960 itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kehendak ranchangan lima tahun kita ini ia-lah kita hendak menguatkan penduduk negeri ini dalam kedudukan ekonomi, dan sa-bagaimana yang kita ketahu² bersama bahawa kehidupan ekonomi ra'ayat negeri ini bergantung kepada pasaran kita telah menyebutkan beberapa chara membanyakkan hasil bagi ra'ayat negeri ini, tetapi maseh menjadi tanda tanya kepada ra'ayat negeri ini ada-kah hasil itu benar² akan dapat di-jual ka-pasar² yang ada dalam negeri ini atau yang ada di-luar negeri ini? Tanda² dan chontoh² bagi kejadian² yang melemahkan semangat ra'ayat telah dapat kita lihat ia-itu ra'ayat menchuba usaha² baharu, ra'ayat menchuba menanam barang² baharu, bahkan di-setengah² tempat ra'ayat menchuba menanam sayor, tetapi malang-nya, apabila di-chari pasaran tidak dapat di-adakan. Tuan Yang di-Pertua, apabila ini di-kechiwakan oleh ranchangan, maka dengan sendiri-nya ra'ayat itu akan kembali kepada tangga yang lama ia-itu bergantung kuat sa-mula kepada getah. Kalau benar dan jujur-lah penyata ini untuk membanyakkan perusahaan² dan kerja untuk ra'ayat negeri ini, maka sa-barang pengembalian kepada getah itu hendak-lah di-kurangkan. Mengurangkan-nya itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah chukup dengan menasihatkan ra'ayat bahawa hendak-lah tuan² membanyakkan hasil yang lain daripada getah, sebab hasil getah kadang² naik dan kadang² turun. Sebab apabila di-chuba oleh mereka yang lain tidak ada pasaran. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan langkah ini

berkesan besar, Kerajaan terpaksa-lah memikirkan satu chara yang membolehkan panduan di-beri kepada ra'ayat kepada apa perusahaan yang benar² menguntungkan dalam menghasilkan pendapatan yang lebeh banyak daripada hidup itu. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kita berasa dukachita sebab dalam para. 26 dan 27 telah menyebutkan kekechiwaan pada ranchangan yang lalu tentang perkara perayeran dan beberapa hal yang bersangkutan dengan tanaman ra'ayat. Saya berharap supaya kesalahan itu tidak di-lakukan lagi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebab-nya perkara ini jadi bagini agak saya ia-lah kerana Kerajaan memandang bahawa padi dan tanam² itu tidak begitu besar kepentingan-nya, sebab kita terpaksa menyukat dari "national income" daripada kemasokan dan hasil pendapatan negara. Dan kita rasa kalau daripada segi itu berapa-lah banyak yang akan di-beri oleh hasil padi kepada chukai pendapatan, berapa-lah banyak yang akan di-beri oleh tanaman yang kechil itu kepada chukai pengeluaran barang². Jadi kalau ini-lah yang menjadi ukoran kepada Kerajaan, maka akan kechiwa-lah lagi sa-kali ra'ayat. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun kita hendak menguatkan iktisad negeri ini dengan kemasokan wang chukai mengeluarkan barang² lebeh banyak, jangan-lah kita lupa bahawa tujuan kita mendapat chukai yang lebeh banyak ia-lah memberi perkhidmatan kepada ra'ayat itu rata². Tetapi kalau dengan sebab kita hendak menchari chukai yang lebeh itu kita memberatkan kompeni² perusahaan, sedang kita kechilkan ra'ayat yang boleh dengan langsung-nya mendapat hasil yang lebeh banyak dengan sebab kita elokkan perusahaan-nya, maka ini saya katakan tidak-lah memuaskan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa-lah—saya membahaskan dasar—menegaskan bahawa kalau ada jalan bagi memberi hasil yang langsung kepada ra'ayat dengan ranchangan ini maka itu hendak-lah lebeh di-utamakan. Sebab walau bagaimana banyak sa-kali pun kita majukan perkilangan dan perusahaan, tujuan kita ia-lah menguatkan ekonomi negeri. Ekonomi negara yang kita maksudkan ia-lah supaya dapat hasil yang lebeh

banyak untok di-beri kepada ra'ayat, kalau dapat jalan yang terus kita berikan kepada ra'ayat dan dengan yang demikian kita kehendaki ra'ayat itu berdiri di-atas kaki-nya sendiri dan menolong diri-nya sendiri ada-lah lebeh baik daripada memberi derma atau memberi bantuan kepada ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan perkhidmatan keretapi yang telah di-buat pada masa yang telah lalu. Satu daripada kerja yang telah di-buat oleh perkhidmatan keretapi itu ia-lah membeli enjen diesel yang baharu. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat baik, tetapi malang-nya, oleh kerana enjen² diesel yang di-beli itu tidak dapat di-sesuaikan dengan rail yang ada di-Tanah Melayu ini dengan sebab rail itu tidak di-sambungkan dengan besi, sebab ada jarak di-antara satu rail dengan yang lain telah menyebabkan enjen ini tidak dapat di-jalankan, maka kembali-lah kita kepada kepala yang lama, dan kalau pun kita menjalankan enjen diesel ini, kita terpaksa menjalankan dengan chara enjen lama, laju-nya dan sa-bagai-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapat hasil pembangunan yang benar² dalam lapangan ini terpaksa-lah sa-belum sa-suatu di-buat di-fikirkan-lah perhitongan yang bersangkutan dengan hal itu dengan penoh dan dengan luas.

Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat² Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri kita ada-lah menyedut dari semua sumber hasil negeri ini bagi Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini. Maka kalau-lah semua hasil ini hendak kita terek, terpaksa-lah perbelanjaan-nya pun kita berhati². Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan telah mengulangi hal ini katanya, jangan-lah tuan² risau, Kerajaan memberi amaran kepada diri-nya sendiri supaya menjaga ranchangan ini jangan kehabisan wang atau sa-bagai-nya. Maka amaran itu saya tambah dan saya katakan mengamarkan diri sendiri itu ada lebeh baik daripada mengamarkan orang lain, tetapi jangan-lah dengan sebab amaran itu datang-nya daripada diri sendiri kita rasa

boleh kita kensel²kan apabila diri sendiri hendak membatalkan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, soal menyedut semua hasil negara bagi satu ranchangan pembangunan bukan-lah satu soal yang boleh di-rungutkan, ini adalah satu soal yang kita rasa patut, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam kita melihat \$5,050 juta yang akan di-belanjakan itu bahagian besar-nya ia-lah \$290 juta akan di-ambil daripada "private sources" ia-itu sumber bebas yang bukan Kerajaan yang ta' tentu lagi.

Menteri Kewangan sudah bersharah menerangkan kemungkinan² bahawa private sources ini akan dapat digunakan bagi memajukan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengemukakan satu ranchangan dengan yakin dan keazaman dan dengan kepercayaan kita mengatakan bahawa ranchangan² ini kita akan dapat majukan, yang akan dapat kita jalankan dan kemungkinan²-nya besar patut-lah juga kita memikirkan bahawa bahagian private yang terpaksa di-jadikan sumbangan di-dalam Ranchangan Lima Tahun ada-lah satu bahagian yang belum lagi di-pegang kuasa-nya oleh Kerajaan. Kita tahu sa-hinggakan hak kita, hak bahagian Kerajaan itu sendiri maseh boleh jadi tanda tanya kepada pertukaran² keadaan. Maka apa-kah yang amat menyakinkan oleh Kerajaan itu bahawa daripada bahagian² private akan dapat kita gunakan. Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan mengatakan: "We must go hand in hand, private and public". Ini boleh-lah kita ucapkan tetapi untuk menjamin pendapat-nya dengan mengira apa yang ada di-poket orang lain saya rasa, tidak-lah berapa elok. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun nyata-lah bahawa dalam ranchangan ini, Kerajaan terpaksa-lah mendatangkan bahawa sa-kira-nya apa berlaku daripada tidak menyertai daripada bahagian² yang bebas itu, Kerajaan terpaksa memikul beban ini sendiri. Di-dalam memikul beban ini sendiri, saya berbalek-lah cerita saya yang mula ia-itu jangan-lah di-korbankan kepentingan² perkhidmatan masyarakat sa-mata² hendak melebehhkan perkara² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ranchangan ini, satu daripada perkara yang tidak di-sebutkan tetapi saya rasa patut di-fikirkan lebeh jauh lagi oleh Kerajaan ia-lah memajukan orang² Melayu di-dalam perniagaan dan perusahaan. Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa RIDA ada peruntokan-nya sa-banyak \$10 million di-dalam ranchangan ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soal memajukan orang² Melayu di-dalam perniagaan dan perusahaan ini hendak-lah di-masokkan chara yang terang dan jelas dalam Ranchangan Lima Tahun itu. Sebab, sa-kira-nya tidak di-masokkan soal seperti ini maka akan pinchang-lah ekonomi negara. Sebab, apabila bahagian yang terbesar dari penduduk negeri ini akan merasa bahawa ia di-tinggalkan dari segi kemajuan perusahaan dan perniagaan maka dia akan menjadi satu factor yang melumpuhkan ekonomi negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal memajukan bangsa Melayu di-dalam ekonomi ini, saya ada membacha satu sedutan dari penyata yang di-buat oleh Jawatan-Kuasa yang di-serahkan oleh Kerajaan membuat penyiasatan ia-itu yang di-ketuai oleh Dato' Ahmad Perang. Dalam hal ini ada empat perkara yang besar kata-nya, yang menjadi sebab bagi kemundoran kepada bangsa Melayu di-dalam hal ini. Saya suka-lah, Tuan Yang di-Pertua, supaya apa yang di-sebutkan oleh penyata ini diperhatikan oleh Kerajaan dengan halus-nya. Sebab menurut keterangan² yang kita dapati telah terlalu banyak penyiasatan² di-lakukan bagi memajukan dengan pesat-nya. Jadi, memasokkan kemajuan ekonomi orang² Melayu di-dalam Ranchangan Lima Tahun ini ada-lah satu perkara yang mesti di-lakukan oleh Kerajaan, boleh jadi Kerajaan akan menjawab bahawa hal ini akan di-perhatikan oleh RIDA. Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah chukup di-RIDA²kan kerja memajukan bangsa Melayu ini, sebab lebeh tiga million orang Melayu di-dalam negeri ini mundor, mereka itu mundor dalam hal ini. Suka-kah kita mereka ini menjadi satu factor melumpuhkan ekonomi, tentu-lah kita tidak suka. Satu daripada perkara yang di-sebutkan di-sini

ia-lah nombor dua kata-nya: "Sebab pun maka orang² Melayu tidak dapat memajukan diri-nya di-dalam business dan commerce ia-lah kebanyakan penjual² besar ia-itu wholesale, ia-lah daripada orang China". Jadi, dengan sebab itu orang² Melayu menghadapi perlumbaan dari mereka itu.

Yang ketiga oleh kerana orang² itu menjadi wholesaler itu berlawan² dan oleh kerana perlumbaan yang datang daripada orang itu ada-lah keras maka ini akan melemahkan orang² Melayu itu juga.

Yang ka-empat ia-lah lack of capital, sedangkan yang pertama kata-nya ia-lah orang Melayu tidak menolong diri-nya; saya tidak tahu mana yang sa-benar-nya. Soal yang ada pada saya sekarang dua perkara yang besar yang telah di-laporkan oleh penyata Dato' Ahmad Perang ini; boleh jadi dia masa itu belum jadi Dato', tetapi sekarang dia di-panggil Dato' Ahmad Perang. Soal yang di-kemukakan ini yang patut kita jadikan satu perkara yang kita kembangkan atau kita masokkan dengan jelas dalam ranchangan kita, ia-lah soal wholesale² dan soal capital. Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di-dalam business—di-dalam perniagaan dan perusahaan tidak ada kotak² bagi puak² tetapi sa-kira-nya telah jelas kepada Kerajaan dengan penyiasatan² yang telah di-lakukan bahawa competition yang di-timbulkan itu orang² yang menjadi wholesaler ini amat kuat maka terpaksa Kerajaan menjadikan ranchangan ini supaya di-bolehkan orang² Melayu menjadi wholesaler, di-bolehkan orang² Melayu menjadi orang² sa-chara bersharikat, sa-chara beramai² dengan di-bantu oleh Kerajaan supaya akan dapat di-jalankan perniagaan² yang besar. Dengan yang demikian akan berlaku-lah kelichinan dan berlaku-lah perjalanan perniagaan itu dari atas ka-bawah dengan lancar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah mesti di-dalam perniagaan kita mempunyai di-atas sa-rupa dengan di-bawah, tetapi kalau jiwa dan pandangan competition itu amat kuat maka terpaksa-lah kita berbuat demikian,

jika tidak maka chita² hendak memajukan ekonomi Melayu ini akan menjadi dongeng sahaja di-dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang akhir daripada penyata ini menyatakan ia-itu ka-empat, lack of capital. Saya tidak tahu apa yang di-buat oleh Kerajaan bagi mengubat keadaan² yang me-RIDA²kan hal ini berma'ana memberikan kapada orang² Melayu

Mr. Speaker: Apa-kah ma'ana me-RIDA²kan itu?

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Menjalankan usaha ini menerusi RIDA (Ketawa). Me-RIDA²kan kerja ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memberi ma'ana bahawa orang² Melayu akan dapat-lah \$700, \$800, \$1,500 kadang² \$3,000 tetapi tidak ada-lah satu perkara yang besar yang di-lakukan. Chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang dengan chara besaran² di-dalam erti bantuan kapada perusahaan bangsa Melayu di-dalam hal perusahaan dan perniagaan telah di-buat dan di-tunjokkan oleh Kerajaan sendiri apabila Kerajaan membuat sharikat ini. Nampak saya, sa-hingga kapada Kerajaan sendiri bahawa sa-kira-nya di-persungguhkan di-dalam memberi capital kapada mereka ini maka dapat-lah mereka ini menjalankan-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, chuba-lah Kerajaan memberikan pertimbangan yang lebeh luas dalam hal ini supaya tidak-lah sa-sudah lima tahun nanti akan terdapat-lah keadaan ekonomi yang lemah kapada bangsa Melayu itu sama saperti hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, berchakap berkenaan dengan ekonomi Melayu terpaksa-lah saya menghubungkan-nya dengan soal perlombongan. Ranchangan Lima Tahun bagi sa-sabua negeri atau sa-barang ranchangan bagi sa-sabua negeri tidak-lah chukup dengan duit dan benda sa-mata², tidak-lah chukup dengan orang dan kerja sa-mata², tetapi menghendaki dasar—dasar keutamaan, dasar pengawalan, dasar yang membolehkan tujuan itu terchapai. Jangan-lah kita kata: Kita telah beri duit, kita telah beri bagini bagini—tidak berjaya—itu

salah dia, tetapi dasar ini hendak-lah di-buat. Ranchangan Lima Tahun ini akan menjadi kertas jika tidak dapat dijalankan sa-kira-nya dasar ini tidak tegas. Jadi dalam hal perlombongan orang² Melayu di-sini tentu-lah telah menghadapi kesulitan hingga hampir tidak ada perusahaan ini di-jalankan oleh bangsa Melayu. Saya tahu bahawa tidak boleh di-terjunksan sa-suatu bangsa itu ka-dalam sa-suatu perusahaan dengan menekan² atau menarek²kan ka-situ. Ini saya tahu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ingat-lah apa yang di-cheritakan oleh wakil Ipoh samalam mendapatkan permit atas nama orang lain kemudian keluar-lah Company Rahmat. Ini patut di-hindarkan oleh Kerajaan dan di-chari jalan oleh Kerajaan supaya di-ketepikan sa-barang usaha yang membolehkan orang² Melayu yang tidak simpati dan bersunggo² mendapat peluang dalam soal perlombongan. Apabila kita berkata soal perlombongan sa-bagai satu sumbar hasil yang besar kemajuan dalam negeri ini dan apabila kita akui bahawa bilangan orang² Melayu ini ke-chil dan mustahak-lah di-besarkan, terpaksa-lah kita kembali kepada asas yang saya sebutkan tadi ia-itu Kerajaan hendak-lah terang² memberi bantuan capital dalam hal ini, sebab boleh kita suroh orang² Melayu kita mengadakan sharikat kerjasama untuk membuat sa-buah kilang padi, boleh kita suroh orang² Melayu bersharikat kerjasama untuk membuat sa-buah perusahaan perचितakan, boleh! tetapi apabila kita kehendaki kepada melombong yang berkehendakkan berpuluh² juta ringgit maka menyuroh orang² Melayu mengadakan sharikat kerjasama, membuka satu sharikat lombong dengan berpuluh² juta ringgit ada-lah satu kerja yang sia² sa-mata². Kalau kita juga hendak memajukan mereka di-lapangan ini dan kita juga memandang bahawa lombong ini ada-lah satu sumbar ekonomi dalam negeri ini maka terpaksa-lah Kerajaan menegaskan dalam dasar buku ini sendiri yang akan di-jadikan dasar kemajuan lima tahun bahawa bantuan kewangan dalam soal ini hendak-lah di-beri.

Satu daripada tujuan yang besar yang di-antara lima tujuan-nya ia-lah

memberi pekerjaan kepada orang² yang tidak bekerja—memberi pekerjaan kepada orang² yang tidak bekerja. Penyata ini sendiri telah menyebutkan bukan-lah sa-mata² dengan menghantarkan mereka itu ka-kilang atau sa-bagai-nya, tetapi juga dengan memberi kepada mereka itu tanah dan sa-bagai-nya. Sebab dengan yang demikian akan memasokkan mereka dalam orang² yang mempunyai pekerjaan itu sendiri. Kita tahu bahawa bilangan orang² yang tidak bekerja di-negeri ini banyak dan bilangan yang ditunjukkan oleh penyata ini untuk dihapuskan daripada gulungan penganggoran pun banyak juga.

Mr. Speaker: Itu sudah di-chakapkan tadi. Jangan di-ulang² lagi!

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tidak, hendak menyebutkan ia-itu ada sa-dikit lain. Saya hendak menyebutkan bahawa kalau tidak ada satu undang² yang menchegeh orang² yang bukan menjadi ra'ayat negeri ini bekerja maka dengan sendiri-nya ini tidak dapat dihasilkan. Tuan Yang di-Pertua, bekerja mengikut upah dan mengikut tenaga yang di-keluarkan oleh pekerja itu ada dua unsor yang besar. Sa-kira-nya upah lebeh murah maka orang mengutamakan pekerja itu dan sa-kira-nya tenaga lebeh banyak maka orang pun mengutamakan pekerja itu, tetapi kalau kedua²-nya ini umpama-nya sahaja yang menjadi perukoran menyebabkan Kerajaan walau bagaimana di-buat-nya ia tidak dapat menjamin bahawa yang akan dapat kerja dalam ranchangan ini ia-lah orang² yang patut mendapat kerja. Saya katakan siapa yang patut mendapat kerja—ada-lah ra'ayat negeri ini lebeh di-utamakan daripada orang yang bukan ra'ayat negeri ini. Jadi dasar itu

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan berkenaan dengan masaalah yang di-sebutkan ini ada dalam usul nombor tujuh. Jaga sadikit! Jangan di-bahathkan fasal itu, kalau di-bahathkan fasal itu saya tahan nanti!

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, bagi permulaan chukup-lah sampai ka-situ.

Dalam soal² yang di-bahathkan dalam ranchangan ini ia-lah soal meluaskan tapak perusahaan yang pada masa ini di-pegang oleh bijeh dan getah. Di-sini muka 29 ada di-nyatakan dalam Jadual V pembahagian² wang Kerajaan bagi memajukan usaha² dalam negeri ini. Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, Rubber Replanting \$545.3 million. Dalam kita hendak memajukan Rubber Replanting dalam Ranchangan Lima Tahun yang telah lalu Kerajaan telah memberi pengakuan bahawa tahun yang telah lalu telah di-lebuhkan dalam bahagian Rubber Replanting ini kepada bahagian pekebun² kecil estate lebih kurang dalam bahagian smallholders. Saya berharap dasar yang di-sebutkan dalam Ranchangan Lima Tahun yang akan datang ini yang mengatakan bahawa akan di-lebuhkan-lah sedikit pada Ranchangan Lima Tahun yang akan datang ini bahagian smallholders dan kurang-lah sedikit bahagian estate. Pada dzahir-nya dasar ini priority yang di-buat dalam Ranchangan Lima Tahun ini baik, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan kalau sudah dahulu sudah kita lebehan itu banyak maka biar-lah tegas benar² kita mengatakan jangan sedikit lagi kita mengatakan bahawa pada dasar-nya kita akan mengutamakan replanting kepada smallholders. \$5.2 juta, Tuan Yang di-Pertua, akan di-jadikan dalam bahagian Agriculture modal sa-lama lima tahun. Dasar yang tersebut dalam buku ini bahawa kita hendak membanyak ragamkan pertanian dalam negeri ini. Saya mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, peruntokan \$5.2 juta ini amat kecil—kecil jika dasar itu hendak di-jalankan. Kita akan memikirkan kopi, atau memikirkan gula, atau memikirkan barang² yang hendak di-buat di-negeri ini untuk kepentingan dan makanan ra'ayat negeri ini.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan berniat hendak berbuat demikian maka nyata-lah bahawa membuat satu² perusahaan katakan-lah membuat perusahaan kilang gula dengan mengadakan tebu dan sa-bagai-nya tidak akan cukup dengan \$5.2 juta ini. Maka apa-kah ranchangan Kerajaan yang sa-benar²-nya dalam hendak membanyak ragamkan pertanian ini? Ada-kah sa-mata² hendak menyebutkan

itu satu dasar, tetapi iman kita maseh kuat kepada dasar yang pertama itu ia-itu membanyakkan getah? Ini dapat di-ukor dengan peruntokan yang di-beri kepada yang lain². Jadi saya memandang bahawa amat-lah mustahak di-lipat-gandakan perusahaan² yang lain atau tanaman² yang lain dalam negeri ini seperti apa yang di-nyatakan oleh Menteri Kewangan sa-malam bahawa bukan-lah senang kita hendak menukarkan tanaman² dan sumber hasil negara dalam negeri ini patut kita fikirkan dalam², tetapi yang lebih patut kita fikirkan sudah tentu tidak senang bagi negeri ini bahawa kita bergantung kepada getah sa-mata².

Tuan Yang di-Pertua, di-masa yang akan datang di-antara kemajuan² yang mustahak ia-lah mengadakan perhubungan. Muka 38—Jabatan Keretapi membuat ranchangan, di-antara ranchangan-nya menseselkan (diesel) enjin²-nya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya oleh kerana di-Pantai Timor negeri Trengganu, umpama-nya, hingga ka-negeri Pahang belum ada jalan keretapi; Kerajaan patut-lah memikirkan supaya jalan keretapi di-adakan di-sana. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, ferry pun maseh ada, hendak di-buat jambatan belum tentu detail-nya. Jadi baik-lah kalau Kementerian Kerja Raya merasa keberatan melakukan tugas-nya dalam menyambungkan jalan itu, elok-lah ini di-ambil oleh Kerajaan menjadi tugas-nya supaya dengan yang demikian itu akan dapat-lah kita menyambungkan antara Kota Bharu dengan Johor menerusi Mersing dan Kota Tinggi; dengan jalan itu akan membolehkan Pantai Timor dan seluruh Tanah Melayu ini menjadi satu sumbu kekuatan ekonomi bagi kemajuan negeri ini sendiri. Menurut para. 137 Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom akan menambah dalam masa lima tahun ini 25 peratus daripada perkhidmatan talipon di-kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita memandang bahawa ada kala-nya dan ada keadaan tidak mustahak talipon itu ada, tetapi saya rasa bagi perhubungan yang hendak membolehkan ra'ayat membetulkan perniagaan-nya dan pengeluaran hasil hidup-nya patut-lah di-tambah bilangan 25 peratus ini kepada satu

bilangan yang agak lebih besar. Sebab sa-kira-nya kita hendak benar² meninggikan taraf ekonomi ra'ayat negeri ini di-merata tempat kita terpaksa beri perhubungan dengan jalan talipon. Sekarang ini dalam Buku Merah ada chara memberi talipon kepada ra'ayat, tetapi chara itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau 25 peratus sahaja-lah daripada apa yang di-kehendaki dan kalau 25 peratus sahaja-lah daripada apa yang sudah di-buat, maka akan sedikit benar-lah bahagian yang akan di-dapati oleh ra'ayat negeri dalam perhubungan menerusi talipon tadi.

Dalam ranchangan lima tahun yang akan datang tentu-lah Kementerian Pelajaran menjadi Kementerian "anak emas" bagi Kerajaan. Saya harap satu—ia-itu dalam masa lima tahun yang akan datang ini hendak memaju dan meninggikan pelajaran negeri ini biarlah di-sesuaikan dengan tujuan kebangsaan negeri ini, dan biarlah Sekolah Kebangsaan itu lebih di-utamakan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian sahaja ranchangan lima tahun itu akan menjadi ranchangan yang sesuai dengan jiwa perkembangan negara yang sudah merdeka ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan akan memberi wang kepada University of Malaya untuk ranchangan lima tahun ini dengan bantuan dan peruntukan yang di-tentukan umpama-nya, maka mustahak-lah kita menggalakkan perkembangan pelajaran undang² dan doktor di-university itu. Tuan Yang di-Pertua, menurut susunan yang ada di-sini 100 orang doktor akan di-keluarkan, tetapi sa-kira-nya doktor ini keluar daripada University of Malaya sa-banyak 100 orang atau lebih terpaksa-lah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu supaya menjadikan kerja ini benar² berguna kepada negeri ini membuat satu dasar bahawa doktor² konterek itu jangan-lah di-kekalkan atau di-permenenkan (permanent) dalam perkhidmatan-nya sa-kira-nya nyata daripada perbuatan mengekalkan dalam perkhidmatan-nya itu akan mengkebelakang atau membantutkan kemajuan perjalanan perkhidmatan doktor² yang akan keluar itu. Kita tahu hajat dan kepentingan kita kepada perkhidmatan sa-chara

konterek, tetapi kita tahu pula hajat² yang timbul dari orang² yang berkelulusan. Sekarang ini pun, Tuan Yang di-Pertua, telah ada rungutan daripada pehak mereka itu yang mengatakan sa-kira-nya Kerajaan menerima pegawai konterek, dan sa-sudah habis waktu dan masa-nya, mereka boleh menjadi ra'ayat negeri ini dan terus mendapat jawatan permanent yang tinggi, harapan bagi kami doktor² muda sudah tidak ada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hal ini harap dapat di-perhatikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesehatan, yang saya perchaya sama chemburu dengan saya dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah perhatian saya kepada ranchangan ini, dan pada akhir-nya saya katakan: sa-buah ranchangan negara hendak-lah di-jadikan ranchangan negara.

Hajjah Zain binti Sulaiman (Pontian Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ranchangan lima tahun yang kedua ini saya sukachita kerana dalam bahagian pelajaran seperti yang di-sebutkan dalam muka 45. Satu peruntukan yang besar telah di-untukkan bagi Sekolah Lanjutan Kampong akan di-tambah, dan di-antara-nya ada beberapa banyak tambahan Sekolah Lanjutan Kampong itu untuk budak perempuan. Jadi nampak-lah kepada saya bahawa Kementerian Pelajaran tidak lupa untuk budak perempuan. Yang kedua yang menarik hati saya ia-lah dalam perkara pembahagian ayer, \$70 juta lagi telah di-tambah dalam ranchangan lima tahun yang kedua ini untuk memberi ayer di-merata kampung. Ayer ada-lah yang sangat² di-kehendaki oleh orang ramai, kesehatan jatuh di-merata tempat oleh kerana kurang ayer, dan yang di-jerit serta yang di-tangiskan oleh ibu² di-seluruh tempat yang tidak mempunyai ayer itu ia-lah berkehendakkan ayer untuk memelihara anak dan juga untuk membersekan rumah-tangga serta masak-memasak dan sa-bagai-nya.

Di-pekan Nanas dalam kawasan saya dahulu telah di-adakan sa-buah rumah pemadam api, tetapi pemadam api itu tidak dapat di-gunakan sebab tidak ada ayer, kalau ada kebakaran pun pemadam api ini tidak dapat di-gunakan untuk menolong-nya. Kemudian rumah

pemadam api itu di-tukar di-jadikan Children Clinic, ini pun tidak dapat digunakan kerana ayer tidak ada.

Nampak-nya perkara ayer ini Kerajaan telah mengambil berat betul² untuk di-sampaikan ka-seluruh kampung.

Perkara yang lain² itu sudah banyak di-bincangkan, jadi saya tidak akan membincangkan-nya lagi, terima kasih.

Enche' Ahmad Boestamam (Setapak):

Tuan Yang di-Pertua, sa-buah pepatah Melayu berbunyi "kuman di-seberang laut nampak, gajah terchogok di-bibir mata tidak kelihatan". Tuan Yang di-Pertua, pepatah ini saya gunakan untuk mengibaratkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan, yang samalam menuduh bahawa kami dari Socialist Front dalam memberi pendapat terhadap mengadakan jalan raya, mengadakan perayeran dan lain² tidak sa-pendapat kata-nya, yang satu kata bagini dan yang satu lagi kata bagitu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan pula daripada pendapat pehak di-sana, kita dapati juga pertentangan pendapat. Kalau semalam Ahli Yang Berhormat dari Raub Selatan mengatakan keadaan di-suatu tempat ada jalan raya, ada perayeran dan lain² itu maka keadaan kampung itu terlalu baik katanya. Tetapi, saya suka di-sini bertanya bagaimana pula pendapat dari Ahli Yang Berhormat Seberang Utara. Ahli dari Seberang Utara pernah mengatakan, orang² kampung tidak mustahak sangat dengan jalan² raya, bekalan ayer, electric tetapi apa yang mustahak bagi mereka ia-lah ranchangan² yang boleh menambahkan mata pencharian mereka di-kampung², apa tidak-kah ini pendapat yang bertentangan? Yang satu mengatakan baik di-banyakan ayer, di-banyakan jalan raya, di-banyakan itu dan ini di-masokkan electric di-kampung² tetapi yang satu lagi mengatakan ini tidak perlu tetapi yang perlu dan mustahak ia-lah ranchangan yang boleh menambahkan mata pencharian bagi mereka di-kampung².

Tuan Yang di-Pertua, soal yang kita hadapi di-sini bukan-lah soal ini baik atau itu tidak baik tetapi soal yang kita hadapi, apa yang patut kita mesti

utamakan dalam ranchangan ini. Memang ra'ayat memerlukan jalan raya, memang ra'ayat memerlukan ayer, memang ra'ayat memerlukan api atau electric. Tetapi soal-nya apa-kah dalam memberi jalan itu boleh membaiki kehidupan ra'ayat. Kalau ra'ayat di-kampung² terus menerus miskin, mata pencharian ra'ayat kita di-kampung² itu tertutup semua sa-kali apa erti-nya electric yang kita masokkan di-kampung² itu, apa erti-nya kita masokkan itu dan ini. Ra'ayat itu tidak akan gumbira jika di-masokkan api atau electric di-rumah²-nya kerana hidupnya miskin. Jadi, soal yang kita hadapi di-sini, soal mana yang kita patut utamakan dan mana yang patut kita kemudiakan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan semalam telah mengatakan kepada kami di-sini bahawa ini bukanlah satu Ranchangan Lima Tahun, Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan nanti akan di-ikuti dengan berbagai Ranchangan Lima Tahun, entah berapa kali Ranchangan Lima Tahun, saya tidak tahu. Sa-olah²-nya kami tidak tahu bahawa ranchangan ini bukan sa-takat ini sahaja. Memang Ranchangan Lima Tahun itu berbagai², memang Ranchangan Lima Tahun itu bukan sahaja di-jalankan di-Persekutuan Tanah Melayu sahaja bahkan di-negeri² lain juga ada menjalankan Ranchangan Lima Tahun itu. Dan sa-tengah negeri pun ada mengadakan Ranchangan Lapar Tahun mithal-nya Indonesia—satu windu—tetapi soal-nya kita kembali lagi, mana yang patut kita utamakan dan mana patut kita kemudiakan. Tetapi dalam satu hal, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan kata Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan itu bahawa Ranchangan Lima Tahun Pemerintah ini ia-lah satu ambitious plan, ini saya bersetuju. Kalau kita perhatikan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dan sekarang Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua jumlah perbelanjaan yang akan di-gunakan dari Ranchangan ini berbedza sa-kali, double—dua kali ganda sekarang ini. Kalau dahulu sekian banyak, sekarang dua kali ganda kerana ini merupakan satu ambitious plan, satu ranchangan mengandongi chita² membumbong

tinggi. Tetapi, saya bersetuju lagi kepada Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa Ranchangan Lima Tahun ini hanya kertas dan tidak akan menjadi apa² kalau tidak di-laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita membincangkan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, yang bererti kita mesti memandang ke hadapan. Saya mahu mengajak Dewan ini supaya sa-belum kita memandang ke hadapan, kita tinjau kebelakang terlebih dahulu, meninjau Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama supaya sa-sudah kita meninjau Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu, kita dapat melihat kekurangan², kesilapan² yang telah kita lakukan dalam menjalankan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu. Sa-telah kita menoleh kebelakang dan kita mengetahui kesilapan² dan kegagalan² kita dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama itu baharu-lah dapat kita memandang ke hadapan supaya segala kesalahan², segala kesilapan² yang kita lakukan dalam ranchangan yang pertama itu tidak kita ulangi sa-kali lagi. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sa-kali saya menarik perhatian kepada muka 10 pada bahagian bawah sa-kali ia-itu mengenai Malayan Railway di-sini disebutkan :

"There were two main reasons for the under-fulfilment of the programme of capital expenditure. The first was the financial stringency of 1957—1958. Contracts had to be cancelled and projects were left unfinished. Secondly, a part of the original programme was later found to consist of projects of secondary priority and it was decided to postpone them."

Saya sekarang mahu menyentuh sebab² yang kedua yang di-katakan sa-sudah beberapa project itu di-jalankan kemudian di-ketahui bahawa project ini hanya tidak begitu mustahak dan kerana itu-lah di-tanggohkan. Kita membuat satu² ranchangan—kita membuat satu² planning tetapi kalau demikian-lah keadaan kita membuat planning, jalankan kerja itu dahulu kemudian kita perhatikan itu sama ada mustahak atau tidak mustahak, kemudian di-tanggohkan, tidak-lah ada erti-nya ranchangan ini. Sa-patut-nya kalau kita hendak membuat satu² ranchangan, kita tinjau terlebih dahulu,

ada-kah ini mustahak atau tidak, sa-sudah itu kita putuskan dan baharu kita jalankan. Jangan sa-tengah jalan baharu kita tahu tidak berapa mustahak, kemudian kita batalkan usaha² kita yang di-jalankan itu, ini sia² sahaja. Dan saya harap di-dalam menjalankan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, kesalahan ini terutamanya jangan di-lakukan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, muka 11 mengatakan :

"38. Mainly as a result of financial restrictions most of the projects aimed at improving postal services had to be postponed."

Ini laporan berkenaan dengan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama. Dalam soal kemajuan social services juga most of the projects had to be postponed. Jadi, kalau kita meninjau kepada usaha² ini bahawa Ranchangan Lima Tahun kita yang pertama itu tidak berjalan 100 persen, tidak berjalan dengan sa-penoh daripada tenaga yang akan kita jalankan sekarang di-Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini maka was²-lah kita mengatakan kalau tidak di-jalankan ranchangan ini sa-benar² usaha yang dua kali ganda ini akan menghadapi nasib-nya sa-bagaimana ranchangan yang pertama dahulu juga. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar di-dalam mengemukakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, berulang² kali mengatakan, berulang² kali membuat rayuan kepada ra'ayat, kepada parti² daripada semua aliran supaya memberikan sokongan yang sa-penoh²-nya kepada Ranchangan Lima Tahun ini. Menteri itu sampai mengatakan bahawa ranchangan ini ada-lah amanat dari ra'ayat yang harus di-faksanakan oleh keseluruhan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau benar² demikian-lah maksud ranchangan ini, kalau ranchangan ini merupakan amanat dari ra'ayat yang memerlukan sokongan dan bantuan keseluruhan-nya maka ini harus-lah merupakan satu tugas dari pemerintah dengan ketegasan dari seluruh pemimpin pemerintah dari atas sampai ka-bawah, tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati pertentangan seruan dan pertentangan pendapat di-antara Menteri Pembangunan Luar Bandar

dengan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar. Saya mengharapkan seruan Menteri itu merupakan seruan yang benar² yang juga harus di-ikuti oleh Menteri Muda-nya, tetapi Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar pernah dalam sa-puchok surat-nya kepada parti saya mengatakan bila kami mengemukakan usul yang kami putuskan dalam congress terhadap Rancangan Kemajuan Luar Bandar dia menjawab dengan kata² yang berbunyi: Usul dari parti tuan terserah kepada tuan menjalankan-nya. Tidak perlu bagi kami untuk bersusah². (Ketawa). Kalau kita mengatakan rancangan ini rancangan national maka kata² yang demikian itu tidak patut di-keluarkan.

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Untuk penjelasan, saya harap Ahli Yang Berhormat itu bacha jawapan yang sa-benar.

Mr. Speaker: Nanti! Dia hendak beri jalan atau tidak?

Enche' Ahmad Boestamam: Saya selalu beri jalan kepada Menteri itu.

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya minta Ahli Yang Berhormat itu bacha jawapan yang sa-benar-nya. Jangan rekaan daripada jawapan yang di-beri.

Enche' Ahmad Boestamam: Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: Jangan jadikan satu perbahathan yang panjang!

Enche' Ahmad Boestamam: Ya, saya chuma menyentoh supaya seruan kepada semua ra'ayat yang di-timbulkan bukan dari atas sahaja tetapi juga terus ka-bawah supaya benar² ia merupakan rancangan national. Kalau yang sa-orang ini berkata bagini dan sa-orang lagi berkata begitu, ra'ayat hilang akal dan kalau nanti timbul sesuatu ra'ayat tidak memberikan usaha-nya, tidak memberi kerjasamanya maka timbul pula mengatakan ini subversive—ini mahu mengkhianati Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini kalau

kita perhatikan hibat² sekali bagini² akan di-jalankan, tetapi ada satu kenyataan yang saya lihat bahawa dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini satu bahagian yang terlalu mementingkan, terlalu mengutamakan soal² persaorangan dan satu bahagian soal kerjasama. Saya ragu², Tuan Yang di-Pertua, bagaimana satu usaha dari satu pemerintah yang mempunyai dua dasar. Satu mementingkan soal co-operative dan satu lagi mementingkan soal persaorangan. Satu memajukan orang sa-orang, memajukan usaha persaorangan dan satu lagi memajukan kerjasama dan pakatan bersama. Bagaimana-kah dua dasar ini, satu persaorangan dan satu bekerjasama ini akan dapat di-jalankan semasa dalam Rancangan Lima Tahun ini?

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Pembangunan Luar Bandar Yang Kedua ini memakan belanja yang demikian besar. Private Sector dan Public Sector berjumlah \$5 juta lebih. Jadi timbul pertanyaan kepada kita, apa-kah wang yang \$5 juta lebih ini akan di-dapati oleh ra'ayat sechara keseluruhannya? Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini akan menghendaki contractor², akan menghendaki itu dan ini. Bagaimana wang yang \$5 juta lebih ini akan di-belanjakan. Ini harus mendapat perhatian kita. Jangan pula, Tuan Yang di-Pertua, dari wang yang \$5 juta lebih ini hanya sedikit sahaja yang sampai benar² kepada ra'ayat menerusi usaha rancangan ini, tetapi sa-bahagian besar-nya masuk kedalam saku contractor² yang mengadakan syarat² untuk contract yang begitu tinggi sampai melaut² untong-nya itu, dan kalau ini tidak di-awasi maka hasil rancangan lima tahun ini sedikit sahaja akan di-rasai nikmat oleh ra'ayat, tetapi sa-bahagian besar-nya akan masuk kantong contractor² yang menjalankan usaha yang kita kehendaki dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam membuka jalan² baharu di-suatu tempat yang kita memerlukan contractor di-situ apakah tidak boleh dalam menjalankan usaha² ini, ra'ayat di-daerah itu di-gunakan untuk bekerja membuka jalan di-tempat itu, dan bukan datang

dari lain. Ra'ayat di-situ boleh dipanggil untuk bekerja membuka jalan itu supaya ra'ayat di-kampung itu mendapat hasil daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, tetapi setahu saya ada beberapa tempat contractor² yang tidak memikirkan soal ini. Dia mendatangkan pekerja² dari lain, kerana barangkali dia dapat memberi bayaran yang murah dan oleh kerana itu orang² ini menimbulkan shak wasangka ra'ayat daerah itu dengan mengatakan Ranchangan Pembangunan itu bukan untuk kepentingan kita dan kalau timbul suatu tindakan ra'ayat tidak mahu memberi kerjasama-nya jangan nanti di-salahkan ra'ayat. Ada baik-nya kalau dalam tiap² ranchangan di-sesuatu tempat itu di-usahakan dengan kerjasama ra'ayat di-kampung itu, sekian.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd. Ali (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana memberi sokongan yang penoh kepada Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini. Kalau kita bacha dengan sepenoh-nya kita dapati Kerajaan Perikatan yang bertanggung jawab dalam pemerentahan ia-itu dua bahagian lima tahun—maka kita dapati Kerajaan Perikatan ia-lah satu Kerajaan yang democracy, yang ikhlas kerana dalam buku Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini ada di-sebutkan dan di-nyatakan pada Dewan ini dan kepada ra'ayat seluruh-nya ia-itu kesalahan² dalam pekerjaan hendak memajukan Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dan chara² hendak memberi kenekmatan dan kema'amoran kepada ra'ayat dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Jikalau kita fikirkan dengan sunggoh²-nya maka kita dapati Kerajaan Perikatan ada-lah Kerajaan manusia yang biasa, yang tahu sa-suatu pekerjaan itu akan mendapat kesusahan dan dengan beberapa sebab dan akan memperbaiki jika sa-kira-nya masa dan wang itu mengizinkan pada membaiki-nya.

Saya memikirkan Ranchangan Lima Tahun ini sunggoh pun sahabat saya wakil daripada Setapak mengatakan ada sa-tengah ranchangan itu kertas sahaja. Itu betul pada masa kita membincangkan pelan. Ini ada-lah kertas sahaja, tetapi Timbalan Perdana Menteri telah berseru kepada seluruh

gulungan ra'ayat bekerjasama untuk menjayakan ranchangan ini dan Timbalan Perdana Menteri juga telah menyatakan ranchangan ini akan berjaya jika sa-kira-nya: Pertama ra'ayat bekerjasama. Kedua perkakas² chukop pada kita. Ketiga wang chukop sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam ranchangan ini. Maka jikalau sa-suatu seruan-nya tidak di-sambut atau tidak mendapat kehendak²-nya tentu-lah ranchangan ini juga akan gagal.

Perkara yang sa-umpama ini tidak patut kita bincangkan, tidak patut kita chercha dengan berat-nya. Dia patut-lah kita menguchapkan tahniah kepada Kerajaan yang bertanggung jawab hari ini yang boleh mengeluarkan fikiran bagaimana hendak memberi kenekmatan dan kema'amoran pada negara dan ra'ayat seluruh-nya.

Saya berdiri di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kerana memberi tahniah kepada Kerajaan kerana mengadakan buku Ranchangan Lima Tahun yang Kedua, terutama sa-kali kepada menaikkan ekonomi ra'ayat dalam perusahaan getah, yang selalu saya sebut dan memberi pandangan dalam Dewan ini tentang replanting dan sa-bagai-nya, maka nampak-nya dalam buku ini Kerajaan telah menguntokkan \$165 juta bagi melanjutkan perusahaan menanam getah sa-mula, dan barangkali Kerajaan akan memberi lebeh perbelanjaan dalam hal menanam getah sa-mula ini. Sa-orang sahabat saya daripada pehak pembangkang tidak perchaya di-atas menanam getah sa-mula ini kerana kata-nya, getah tiruan (synthetic) ada-lah berlawanan dengan getah asli kita. Saya dukachita menyatakan barangkali sahabat saya itu tidak membacha atau mengkaji sa-dalam²-nya di-antara perusahaan getah asli yang datang dari negeri ini dengan getah tiruan tidak yang di-buat di-Amerika dan lain², kerana getah ini berlainan zat dan sifat-nya, ia-itu dalam satu² perusahaan itu getah tiruan itu tidak boleh melawan getah asli. Kita jangan takut getah tiruan boleh menghapuskan getah asli, dan getah tiruan tidak boleh hidup dengan jaya-nya kalau tidak ada getah asli. Berkenaan dengan chercha daripada pehak di-sabelah sana

Mr. Speaker: Kalimah chercha tidak boleh di-pakai.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.

Ali: berkenaan dengan pandangan pehak di-sabelah sana mengikut buku ini memajukan perusahaan, barangkali suatu hari harga getah akan turun dan ra'ayat akan menderita. Saya suka menyatakan kepada sahabat² saya di-sabelah sana ia-itu dalam ranchangan menanam getah sa-mula pada hari ini telah di-nyatakan bertanam sa-mula dengan benih getah yang mengeluarkan hasil yang tinggi dan berlipat ganda. Ma'ana-nya, jikalau pada masa ini harga getah kita satu kati 80 sen, kita tidak takut kalau tahun hadapan harga getah turun satu kati 40 sen jikalau ra'ayat menerima seruan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bekerjasama menanam getah mengikut peratoran yang di-beri oleh Kerajaan boleh mengeluarkan tiga kali ganda daripada hasil yang ada pada hari ini; pendapatan ra'ayat sa-rupa atau pun lebeh.

Saya sangat dukachita apabila Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan ia sangat dukachita apabila ia berjalan di-serata Malaya di-dapati jalan yang baik sa-kali ia-lah di-kampung Langgar, Pekan, ia-itu menuju ka-rumah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Barangkali ia lalu satu hari sahaja, kerana jikalau ia lalu di-seluruh negeri Pahang ia akan dapati di-tiap² daerah ada jalan yang lebeh baik daripada jalan Langgar atau pun tempat tumpah darah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak dudok di-Langgar, ia dudok di-Kuala Lumpur, dan rumah-nya yang sa-benar di-Bentong, di-Langgar tempat tumpah darah-nya sahaja. Tuan Yang di-Pertua, orang di-situ ramai dan 3,000 ekar sawah telah di-jayakan dengan jalan ayer pam daripada sungai Pahang, mereka berkehendakan satu jalan yang baik bagi mengeluarkan hasil padi dan sa-bagai-nya ka-bandar Pekan, yang mana biasa-nya mereka ini chuma berjalan dengan memakai perahu. Jadi tudohan yang sa-umpama itu sangat-lah mendukachitakan, kerana saya tahu sangat

keadaan dalam negeri Pahang dan pekerjaan yang di-majukan dalam ranchangan lima tahun yang lepas, terutama sa-kali berhubung dengan jalan.

Saya suka menyata atau mengkhabarkan kepada sahabat saya, saya nampak chuma asutan sa-belah pehak, kerana pada satu hari dalam tahun ini juga sahabat saya itu telah beruchap dalam bandar Kuantan mengatakan ranchangan lima tahun itu mengabui mata ra'ayat. Tetapi saya menguchapkan terima kasih kepada-nya pada hari ini kerana daripada sa-malam hingga pada pagi ini ia telah berdiri lebeh kurang dua jam telah menyokong dan menyambut ranchangan ini, chuma memberi pandangan yang mana ada sa-tengah pandangan-nya membena dan ada sa-tengah yang memburokkan.

Sa-orang lagi sahabat saya daripada Socialist Front menyatakan ia sangat bimbang, kerana ranchangan ini tidak menjamin taraf hidup buroh disebabkan fragmentation. Saya tidak mengerti kerana di-estate dalam bahagian tanah ada dua, satu fragmentation dan satu sub-division. Ia berchakap di-atas fragmentation. Kalau fragmentation tidak ada pemberian tanah atau sa-orang mengambil tanah di-tempat lain, itu tidak ada kena-mengena dengan buroh. Tetapi kalau di-ma'anakan sub-division of estate, maka itu ada mengganggu sedikit pekerjaan buroh. Tuan Yang di-Pertua, saya sa-orang ahli yang menyiasat berkenaan dengan fragmentation dan sub-division. Dalam tahun yang lepas kita dapati tidak ada perkara yang menyusahkan buroh, buroh yang sudah keluar sebab sub-division of estate semua-nya ada bekerja lebeh kurang 25,000 tidak-lah sa-bagaimana tuduhan sahabat saya daripada Socialist Front itu. Dan juga sahabat saya dari Socialist Front menudoh ia-itu Kerajaan Perikatan telah memerintah dua kali lepas merdeka tetapi tidak nampak terutama dalam buku ini, yang boleh menjamin kehidupan penanam padi, dan kebanyakan mereka itu telah teraniaya di-sebabkan oleh padi kuncha. Saya dukachita kerana sahabat saya baharu kali yang kedua ini berada dalam Parlimen,

tetapi jika ia membacha balek pada masa Legislative Council dahulu, Kerajaan Perikatan telah menguntokkan berjuta² ringgit untuk menyelamatkan penanam padi, dan wang itu hingga ada negeri tidak menggunakan lagi, negeri Pahang di-untokkan lebeh kurang \$150,000 kerana hendak menolong penanam padi. Ra'ayat di-negeri² Kedah dan Perlis banyak di-antara mereka itu telah mendapat balek tanah-nya daripada chetti yang di-katakan padi kuncha itu. Ini satu tuduhan yang mengelirukan ra'ayat seluroh-nya, kerana ia tidak membacha balek atau menyiasat perbuatan Kerajaan yang lepas chuma menuduh yang kita tidak mengadakan satu² perkara dalam buku ini.

Saya fikir tidak mustahak, jika kita sudah membuat peruntukan pada masa Ranchangan Lima Tahun yang lepas dan di-masokkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Sahabat saya Yang Berhormat daripada Bachok ada memberi pandangan berkenaan dengan penganggoran di-luar bandar. (a) chuma bergantung kepada harta ibu bapa dan (b) penganggor yang ada tanah yang pendapatan-nya \$10 atau \$20 sa-bulan. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, siasatan atas perkara ini tidak-lah begitu betul kerana dalam Buku Merah ini ada berbagai² ranchangan

Mr. Speaker: Buku yang mana?

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd. Ali: Buku Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Berkenaan dengan penganggoran (a) bergantung kepada ibu bapa-nya, ini banyak sebab²-nya tetapi macham mana sa-kali pun, di-dalam Ranchangan Federal Land Development Authority atau pun Ranchangan Group Settlement ada-lah menjamin, mereka yang tidak ada mempunyai tanah akan di-kumpulkan ka-dalam Land Development Authority yang akan membagi getah 7 ekar kepada pemuda² yang sa-umpama ini sakira-nya mereka itu berkehendakkan. Tetapi kalau mereka suka pakai yengki, itu tidak ada upaya Kerajaan hendak buat. Kerajaan kita ada-lah Kerajaan democracy bukan Kerajaan Komunis atau Socialist yang boleh

memaksa pemuda² ini bekerja. Ada di-dalam buku ini, Tuan Yang di-Pertua, ranchangan untok landless ia-itu orang² yang tidak ada tanah.

Kemudian penganggor yang kedua ia-itu (b) penganggor yang ada sedikit tanah dan mempunyai pendapatan yang sedikit. Tidak patut di-jadikan perbahathan kerana kita ada Fringe Alienation yang memberi tanah sa-luas 6 ekar yang di-untokkan kepada mereka yang tidak chukup tanah. Dan juga penganggor² (b) ini jika sakira-nya tanah-nya kurang daripada 2 ekar akan di-masokkan kepada (a) yang boleh pergi ka-Group Settlement atau pun Federal Land Development Authority. Sa-hingga sampai hari ini, di-Pahang ada dua tiga scheme Land Development Authority yang besar sa-kali di-Belut Valley tidak ada siapa hendak bekerja, mereka terlari ka-sana dan terlari ka-sini. Saya sangat dukachita, Tuan Yang di-Pertua, kerana ranchangan² ini tidak ada sambutan di-Kelantan dan di-Trengganu, saya boleh berchakap panjang tetapi saya tidak hendak berchakap berkenaan dengan ini kerana saya sa-orang daripada ahli Land Development di-Pahang, di-Trengganu dan di-Kelantan. Jadi, saya nasihatkan sahaja-lah jika sa-kira-nya berkehendakkan penganggoran (a) ini, serahkan-lah kepada Federal Land Development Authority menjaga-nya di-negeri Kelantan dan di-Trengganu itu.

Sahabat saya di-sabelah Socialist Front ada mengatakan, Kerajaan ini patut sangat-lah memasokkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ia-itu collective farming. Ini saya nampak; kerana saya sudah pun ada pengalaman dalam perkara ini. Saya nampak negeri ini ra'ayat-nya berlainan bangsa, berlainan ugama, berlainan adat istiadat maka sa-belum ra'ayat negeri ini sa-fahaman maka tidak boleh di-jalankan kehendak Socialist itu ia-itu mengadakan collective farming. Saya sendiri telah chuba kerana saya sa-orang daripada ahli Jawatan-Kuasa Belut Valley. Di-Belut Valley itu ada India, ada China dan ada Melayu. Mula² di-masokkan mereka itu dan di-chuba mereka itu dengan collective farming ia-itu

bekerja di-satu kawasan; ini awak punya sa-banyak 10 ekar kerja-lah bersama², sampai tiga hari bekerja mereka hendak berparang. Kata China Melayu malas, kata Melayu China tidak betul bekerja sampai 12 jam satu hari dan kata orang India lain. Jadi, kesudahan terpaksa collective farming itu di-ubahkan. India, ini belok-nya, China, ini belok-nya dan Melayu, ini belok-nya. Jadi, chakap di-meja ini senang, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir satu² perkara itu patut kita siasat dengan halus, kita patut pergi di-padang berusaha dan jayakan sendiri. Kita tidak boleh mengeluarkan chakap suka hati sahaja tetapi kita tidak tahu bagaimana-kah kita hendak membuatnya dan kita tidak tengok apa yang telah di-buat.

Ada sa-orang sahabat saya dari pehak pembangkang ia-itu Ahli Yang Berhormat dari Socialist Front mengatakan replanting ini menyusahkan sahaja kapada pekebun² kecil yang kurang 5 ekar atau 7 ekar di-katakan bagaimana Kerajaan bagi \$600 satu ekar kerana

Mr. Speaker: Itu sudah di-chakapkan.

Enche' Mohamed Sulong bin Mohd.

Ali: Ini lain, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan tuduhan yang tidak munasabah di-dalam replanting ini. Yang sa-benar-nya jika di-bacha betul² Undang² Replanting itu kerana ia tidak memaksa sa-saorang yang ada 5 ekar getah itu di-tebang semua sa-kali, itu hanya kalau boleh, kalau ta' boleh berapa yang boleh-lah dan tinggalkan sa-paroh untuk satu ekar atau dua untuk perbelanjaan hari². Jika dia ada 6 ekar dan dia potong 3 ekar dia akan mendapat \$600 satu ekar bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-atas Estimate Rancangan ini. Di-dalam Estimate bagi Rural Development ada satu perkara jikalau sa-kira-nya Menteri yang berkenaan bersetuju ia-itu menguntokkan perbelanjaan atas publicity. Kerana dalam ucapan Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan hendak menjayakan rancangan ini di-kehendaki ra'ayat bekerja

sama. Maka yang membantutkan rancangan yang pertama ia-lah perkara penerangan tidak luas maka ini patut-lah di-peruntokkan kerana-nya. Kerana jika sa-kira-nya kurang penerangan, ra'ayat kita tidak akan tahu dan kadang² ada satu pehak mengasut yang kata-nya Kerajaan chuma hendak mengabui mata ra'ayat sahaja. Jadi, ta' ada siapa hendak menjelaskan betul² pekerjaan yang di-buat oleh rancangan luar bandar ini. Oleh itu mustahak-lah sangat bagi Pejabat Kemajuan Luar Bandar mengadakan bab bagi pejabat itu sendiri ia-itu penerangan atau publicity dengan apa chara sa-kali pun kapada ra'ayat seluruh-nya. Ada sa-tengah orang memikirkan tidak payah Timbalan Perdana Menteri berjalan ka-sana kasini, bacha dalam surat khabar sahaja, tetapi berapa peratus ra'ayat dalam negeri ini yang membacha surat khabar. Ada sa-tengah berkata tiap² Menteri yang berjalan ka-serata negeri membawa kaki-tangan Radio Malaya, ada di-keluarkan oleh Radio Malaya, tetapi berapa peratus yang ada mempunyai radio. Oleh itu orang yang jauh di-luar bandar dia kurang pengetahuan—kapada mereka itu memang berkehendakkan sangat publicity campaign atau pun penerangan yang lain dengan chara buku atau pun dengan chara bersharah hendak-lah di-adakan dan patut-lah di-adakan dalam estimates ini juga.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, External Affairs peruntokan \$10 million. Saya memandang sunggoh pun kita memikirkan menjayakan perkhidmatan luar negeri itu mustahak, tetapi kita patut juga memikirkan keadaan kita, atau pun sangkut-paut kita baik dalam perniagaan mahu pun lapangan luar negeri. Maka peruntokan \$10 million ini saya memikirkan sangatlah sedikit bagi perbelanjaan External Affairs kerana dalam lima tahun kalau \$2 million sa-tahun maka \$2 million kalau hendak di-hantarkan sa-orang Duta di-sa-sabua negeri untuk hendak membeli tanah di-situ boleh dapat, tetapi untuk membuat rumah tidak cukup. Pekerjaan Duta itu sangat mustahak dan oleh kerana saya salah

sa-orang ahli dalam perusahaan getah di-Malaya. Soal-nya apa fasal getah kita tidak dapat pandangan yang tinggi di-luar negeri? Apa fasal kita mendapat chercha dari luar negeri? Kerana di-tiap² luar negeri kita tidak ada propaganda, tidak ada publicity yang sempurna. Saya memberi contoh, umpama-nya kita tidak menjelaskan kepada pembeli getah dunia berkenaan dengan kebaikan, keelokkan atau faedah-nya menggunakan getah asli kita. Jadi mereka itu dapat mendengar sahaja, chuma mendapat penjelasan di-atas getah tiruan dan tidak mendapat penjelasan yang terang berkenaan dengan getah asli. Maka itu-lah sebab-nya negeri² itu tidak kenal dengan getah asli kita ini, tetapi kenal synthetic. Jadi perkara ini sangat berguna di-luar negeri.

Maka saya memikirkan berkenaan dengan getah kerana berkaitan dengan perkara yang bersangkutan dengan luar negeri. Kita berkehendakkan bagi luar negeri membantu kita kerana dalam usaha Perdana Menteri kita juga dalam ranchangan ini mengharapkan agar dapat meminjam atau bantuan daripada alat dari luar negeri, maka kalau kita melenyapkan diri dengan tidak ada publicity, tidak ada belanja tentu-lah pandangan luar negeri itu tersangat gelap kapada negeri kita. Itu satu perkara yang sangat mustahak. Umpama-nya bila Tunku berangkat ka-Canada—Oh! orang tahu ia-itu Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang bijak pandai dan rajin maka di-beri kita pertolongan \$3 million. Itu satu publicity, tetapi adakah Perdana Menteri kita berjalan saptiap masa, terbang ka-sana ka-sini. Sapatut-nya kita mesti adakan pejabat publicity—show room bagi menunjukkan bijeh timah kita kapada mereka itu dengan baik-nya. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan² saya berkenaan dengan Ranchangan Lima Tahun ini.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Tuan Speaker, Tuan, Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua bagi Kementerian saya yang di-jangkakan memakan modal berjumlah sa-banyak \$151 juta,

\$145 juta daripada-nya akan digunakan bagi khidmatan kesihatan dan \$6 juta bagi khidmatan kebajikan masyarakat.

Tujuan mengeluarkan modal ini ia-lah untuk mengadakan kemajuan yang besar di-dalam segala lapangan bagi membaiki segala perkhidmatan² perubatan dan kesihatan bagi faedah ra'ayat sa-umum-nya.

Mengikut peraliran zaman, bagi menchapai kesihatan ra'ayat yang tinggi lagi ia-lah terletak di-atas kemahuan lebih lagi chara² menjauhkan penyakit, rumah sakit yang chukup lengkap dengan perkakas modern serta dengan perkhidmatan pakar² yang pandai di-dalam-nya. Pada masa ini orang² yang berkehendakkan perubatan chara² modern telah bertambah². Dan lagi seperti kita semua mengetahui ia-itu perkhidmatan² Kesihatan dan Perubatan kita sudah tertinggal ka-belakang istimewa di-kawasan² luar bandar. Sa-lain daripada itu penduduk² negara kita bertambah sa-banyak tiga perpuluhan tiga peratus sa-tahun, oleh kerana itu, Kementerian saya meranchangkan di-dalam masa lima tahun yang akan datang ini perkhidmatan² yang lebih luas lagi daripada masa yang sudah² kapada kawasan² luar bandar, mengelokkan dan menambah kemudahan² di-dalam hospital, meluaskan lagi chara² melawan penyakit T.B., memperbaiki perkhidmatan penyakit² otak, penyakit kusta, sakit gigi, dan juga menubuhkan sa-buah store dan makmal bagi membuat ubat² dengan lebih mudah lagi. Asas bagi tujuan² ini ia-lah menegas dan meluaskan ranchangan latehan² supaya boleh mendapat lebih banyak lagi kakitangan² pejabat perubatan dan kesihatan yang chukup bagi semua peringkat.

Kita sudah berjaya dalam beberapa kemajuan terhadap ranchangan² bagi luar bandar. Tujuan Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat ia-lah lama kelamaan Kementerian ini akan melempahkan perkhidmatan-nya sa-hingga meliputi semua penduduk² luar bandar. Langkah² ka-hadapan

untuk menyampaikan chita² ini akan dijalankan di-dalam masa lima tahun yang akan datang dengan mengadakan 37 Pusat Kesihatan, 148 Chawangan Pusat Kesihatan dan 652 Klinik Bidan. Kemudahan² ini akan memberi tambahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada lebih daripada dua juta penduduk² luar bandar.

Di-tempat² khidmatan ini sedia diadakan beberapa kemudahan² dengan tujuan² meninggikan darjah kesihatan penduduk luar bandar, supaya dapat mengurangkan lagi angka² kematian terhadap ibu² yang bersalin dan juga anak² yang kechil. Sunggoh pun kemajuan yang lebih sudah di-chapai di-dalam tempoh dua tahun yang lalu, tetapi angka² kematian itu masih lagi tinggi pada masa ini. Khidmatan² bagi menjauhkan penyakit² seperti berikut akan di-beri keutamaan yang istimewa :

- (i) *Peliharaan Kesihatan ibu² dan anak².*—Meliputi ibu² mengandung dan sa-lepas-nya, serta juga mengebalkan terhadap penyakit².
- (ii) *Pegawai² yang berkenaan.*—Menasihatkan dan bekerjasama dengan penduduk² di atas perkara kebersehan kampung² dan bekalan ayer minum.
- (iii) *Pelajaran Kesihatan.*—Menepati kepada ibu², kanak² sekolah dan juga orang² dewasa sa-umum-nya, di-atas bab² kebersehan badan, makanan² yang berzat, kebersehan kampung, bekalan ayer, mengebalkan terhadap penyakit², peratoran² mencheegah penyakit malaria dan juga masaalah² yang lain berkaitan dengan kesihatan di-kawasan² luar bandar. Pelajaran kesihatan di-utamakan di-tempat² itu.

Ranchangan² kita bagi kesihatan luar bandar ia-lah mengikut peratoran² dan dasar² yang sesuai bagi penduduk² di-negeri² di-bahagian dunia Malaya ini. Ranchangan² itu sudah pun di-akui oleh pakar² di-Pertubohan Kesihatan sa-Dunia Antara Bangsa. Pakar² itu sudah juga melawat negeri ini dan memberikan pandangan yang baik ka-atas ranchangan² kita itu. Ranchangan²

Kementerian saya bersesuaian dan berse-tuju dengan Ranchangan² Luar Bandar Negara tetapi terlebih ma'alum ia-itu segala chadangan² di-dalam Buku Merah itu tidak-lah dapat di-tunaikan di-dalam masa ranchangan kemajuan yang kedua.

Sa-lain daripada mengadakan wang belanjawan, perkara² yang mu'tamad bagi meluaskan ranchangan ini ia-lah mengadakan lebih banyak lagi kaki-tangan² yang terlately untuk pusat² kesihatan. Sunggoh pun bagitu ranchangan² Kementerian ini akan menaikkan banyak daripada permohonan² tiap² negeri yang terchitak di-dalam Buku Merah.

Saya sudah menyatakan dahulu bahawa perkhidmatan dan kesihatan di-dalam negeri ini sudah tertinggal ka-belakang khas-nya di-kawasan luar bandar. Di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, bukan sahaja perkhidmatan² ka-kampung² itu hendak di-perbaiki bahkan juga kita hendak mengadakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih baik.

Nyata-lah dengan niat yang besar ini bagi mengadakan ranchangan² seperti yang di-chadangkan itu, maka mustahak-lah lebih ramai lagi kaki-tangan² teknik patut di-lately supaya apabila bangunan² itu sudah di-sediakan dapat-lah kita mengadakan kaki-tangan² yang chukup. Jadual latelyan² yang besar dan chergas telah di-masokkan dalam ranchangan ini bagi mendirikan sekolah² latelyan dan asrama² untuk pelately². Anggaran berjumlah \$8 juta sudah di-adakan. Berkenaan mengambal pelately² tidak-lah ada apa² ke-susahan. Guru² bagi mengajar di-dalam ranchangan latelyan itu sekarang sedang di-perbanyakkan lagi.

Maka beban yang di-pikul oleh khidmatan rumah² sakit sentiasa masih bertambah, dan oleh sebab ini terpaksa-lah tiap² rumah sakit di-seluruh Tanah Melayu sa-panjang masa di-perelokkan dan di-perluaskan.

T a m b a h a n² dan memperelokkan seperti yang di-nyatakan itu ia-lah :

- (1) Mendirikan sa-mula wad² dan juga segala bangunan² yang lain di-rumah² sakit umum dan rumah² sakit di-daerah.

- (2) Mendirikan wad² beranak yang baharu.
- (3) Mendirikan bangunan² bagi menjalankan tadbiran, dan mempereloki rumah orang sakit luar.
- (4) Tempat² pembekalan yang baru dan modern, rumah² mayat dan dapor².
- (5) Mempereloki kebersehan atau sanitation.

Sir, regarding the comments by the Honourable Member for Ipoh, there is a provision of \$24 million for improvements to hospitals. The Hospital for Ipoh, of course, will be included in this provision, and substantial improvements have been planned for that Hospital.

Di-dalam tempoh lima tahun yang akan datang keutamaan akan di-beri bagi mendirikan rumah² sakit baharu di-Kuala Lumpur, Seremban dan Klang sa-bagai menggantikan rumah² sakit yang lama dan yang tiada mencukupi di-atas serba serbi-nya. Rumah² sakit baharu yang di-chadangkan itu akan mempunyai chukup kelengkapan dan tidak pula berlebeh²an.

Rumah² sakit ini lazim-nya memberi perkhidmatan bukan-lah sahaja terhadap penduduk² di-bandar bahkan kepada orang² luar bandar juga oleh kerana pakar² dan doktor² di-hospital itu memberi perkhidmatan kepada semua-nya. Bahawa faedah² daripada kelengkapan khas dan kemudahan² itu dapat juga oleh orang² bandar.

Sa-lain daripada itu kelengkapan² khas dan kemudahan² ini akan digunakan untuk—

- melateh doktor² yang baharu lulus dalam pelajaran kedokteran-nya;
- latehan bagi jururawat pembantu² rumah sakit;
- dan juga juru² teknik.

Pegawai² yang sudah mendapat latehan itu akan di-hantar berkhidmat ka-daerah² dan juga ka-kawasan² luar bandar.

Tuan Speaker, penyakit T.B. atau Batok Kering banyak di-dapati

merebak di-dalam negara ini sama ada di-bandar² atau pun di-luar bandar. Penyakit ini ia-lah suatu masalah yang besar terhadap kesihatan 'am di-dalam Persekutuan pada masa ini. Sa-hingga ta' beberapa lama dahulu, tidak ada apa² perchubaaan yang bersunggo² sudah di-jalankan untuk mengawal penyakit itu supaya jangan merebak. Semenjak Merdeka, terutama sa-kali dalam masa 18 bulan yang lalu, Kementerian saya sudah menjalankan satu penyiasatan yang terator dan kemas berkenaan dengan masalah ini, dengan bantuan yang penoh daripada Pertubohan Kesihatan sa-Dunia atau WHO serta juga daripada sa-orang pakar, Sir Harry Wunderly. Tuan ini ia-lah sa-orang yang terkenal di-dalam Dunia sa-bagai pakar berkenaan kawalan T.B. Ia-nya sudah melawat negeri ini—negeri kita tiga kali. Siasatan yang penoh dan lanjut itu sudah mendzahirkan kenyataan² yang boleh mendatangkan khuatir.

Lebeh kurang 4% daripada orang ramai di-negara kita ini sedia menang-gong penyakit T.B. yang berjangkit dan sa-tengah daripada-nya ia-lah di-dalam keadaan yang boleh memberi jangkitan yang bahaya. Sunggo² pun angka² kematian daripada penyakit T.B. ini sudah beransor kurang di-dalam masa 10 tahun yang lalu, keadaan penyakit ini ia-lah bertambah² lebeh lagi meski pun ada ubatan² yang baharu dan kuat yang boleh melanjutkan jiwa orang² yang sudah mengidap dan menderita. Oleh sebab itu lubok² penyakit itu memberi kejangkitan yang berlebeh² lagi. Pertama-nya kemerebakan penyakit ini terhadap orang² ramai yang sihat. Itu juga mendatangkan khuatir yang besar.

Orang² kita pada masa ini ada-lah di-dalam 4 kali ganda bahaya mendapat penyakit T.B. bila di-bandingkan dengan tahun 1947 dan bahaya ini sentiasa bertambah² burok-nya. Jikalau di-biarkan merebak dengan tidak ber-kawal penyakit T.B. ini boleh merosakkan kesihatan ra'ayat negara dan akibat-nya mengganggu kemajuan ekonomi negara. Penyakit ini melemahkan tenaga, pada masa yang panjang, selalu-nya bertahun². Biasa-nya penyakit ini menyerang orang² yang dewasa

di-dalam masa ia-nya boleh bertenaga dengan penoh.

Sa-lepas d a r i p a d a berbinchang beberapa kali dengan Sir Harry Wunderly, dan dengan nasihat-nya yang bijaksana serta memikirkan modal yang berhad saya telah membuat suatu ranchangan bagi menubuhkan satu kawalan negara menentang T.B. yang mengandongi peratoran² yang chukup modern dan boleh memberi kesan yang practical, serta mudah menjalankan-nya. Supaya segala peratoran yang akan di-jalankan itu mendapat kemajuan² yang penoh dan chepat serta juga dengan mudah, kita sudah juga mengambil perhatian prektik² di-negara lain saperti Australia di-mana ia sudah menghapuskan penyakit T.B. sa-bagai satu masaalah kapada kesihatan 'am. Ranchangan kita ini bersesuaian dengan upaya dan kebolehan kita, dan juga dengan segala kemajuan dan pengalaman yang baharu terhadap mengawal penyakit T.B. Perbelanjaan yang tinggi sudah di-belanjakan oleh negeri² yang lain itu, kita akan dapat mengawal penyakit T.B. dengan sa-berapa segera-nya dan dengan belanja yang kurang. Di-dalam negeri Australia T.B. tidak-lah begitu merebak saperti di-Tanah Melayu dan jumlah wang modal dan wang perbelanjaan bagi mengawal yang sudah di-belanjakan oleh Kerajaan Commonwealth Australia dalam 10 tahun ia-itu 1949-1959 supaya penyakit T.B. dapat di-kawal, berjumlah lebih kurang M\$417 juta.

Ranchangan kawalan negara kita bagi menentang penyakit T.B. akan di-arahkan kapada orang² sihat dengan memeliharakan mereka supaya tidak di-hinggap penyakit itu. Keutamaan akan di-ubah daripada mengubat orang² sakit kapada menjaga masha-rakat negeri ini, istimewa mengelakkan penyakit. Dengan rengkas-nya perkara² terhadap bagi menentang penyakit T.B. ia-lah:

- (1) menchari orang yang mengidap penyakit ini di-dalam lingkungan orang ramai dan di-ubat mereka supaya orang² sakit ini tidak boleh memberi jangkitan kapada orang lain.

- (2) memelihara orang² ramai dengan B.C.G. terutama sa-kali kanak² sekolah, keluarga² dan juga kaki-tangan² rumah sakit;

- (3) mengadakan penyiasatan dengan tujuan menchari orang² yang baharu sakit. Mereka ini boleh di-ubat dengan senang sa-bagai orang² sakit berubat di-luar. Kawalan ini akan melebihi kemudahan² yang ada, mengalehkan keutamaan ia-itu mengelakkan penyakit ini daripada orang ramai. Mengadakan latehan kaki-tangan² teknik dan juga membaikkan segala kekurangan perkhidmatan menentang T.B.

Kementerian saya ada-lah memandang berat darihal perkhidmatan gigi di-luar bandar dan lebih kurang 70 peratus perkhidmatan gigi pada masa ini ada-lah di-arahkan ka-kawasan² luar bandar.

Ranchangan² di-bawah perkhidmatan kesihatan luar bandar dapat juga melebihi perkhidmatan² gigi di-kawasan² luar bandar. Kemajuan ini akan dapat di-chapai dengan mengadakan bilek² gigi di-tiap² pusat kesihatan dan di-chawangan²-nya dan di-klinik² baharu. Klinik² kereta dan berkapal akan bersama di-masokkan di-dalam ranchangan ini. Berbelas² pegawai gigi dengan menggunakan perkakas² yang boleh di-bawa di-dalam kenderaan² nya akan pergi ka-tempat² yang terpencil dan biasa-nya bekerja di-sekolah².

Banyak juga lagi kelinik² gigi di-ranchangkan dan peruntukan berjumlah satu juta ringgit kapada bahagian perkhidmatan gigi boleh mengadakan modal untok membesarkan lagi kelinik² yang ada sekarang ini, kelinik² yang baharu di-bandar, kelinik² bagi orang² di-rumah sakit dan kelinik² kereta gigi. (*Tepok*).

Sitting suspended at 11.50 a.m.

Sitting resumed at 12.00 o'clock.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Question again proposed.

Tuan Syed Esa bin Alwee (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang sudah dan hari ini ramai daripada Ahli Yang Berhormat telah bangun memberi pendapat dan pandangan-nya serta mendatangkan beberapa chontoh yang membena bagi faedah ra'ayat. Tetapi ada sa-tengah daripada sa-tengah-nya tidak nampak sama sa-kali ranchangan yang di-jalankan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah matlamat dan dasar mengadakan pembangunan luar bandar ini ia-lah kerana hendak membaiki iktisad penduduk luar bandar yang tidak saimbang dengan pendapatan orang yang dalam bandar. Dari itu dalam Ranchangan yang Pertama ia-itu daripada tahun 1956-60 itu ada banyak perkara yang telah di-chapai sa-kali pun banyak daripada perkara yang tidak dapat di-jalankan, tetapi boleh di-katakan semua Kementerian telah dapat menjalankan sedikit sa-banyak kewajipan-nya. Saya dapati Ahli² Yang Berhormat yang berchakap beberapa hari ini semua-nya meminta 1,001 macham, tetapi pada faham saya sendiri tentu-lah tiap² Kementerian tidak dapat melaksanakan segala²-nya sa-bagai manusia biasa yang tidak ada kudrat, iradat dan hikmat pada-nya.

Tetapi, saya chukup, perchaya tiap² Kementerian akan menchuba sa-berapa daya upaya-nya daripada tahun ini dan yang akan datang menjalankan sa-berapa yang boleh bagi faedah ra'ayat di-luar bandar. Segala ranchangan ini tidak dapat di-jayakan sa-kira-nya tidak dapat sokongan yang kuat daripada ra'ayat di-kampong², terutama sa-kali daripada segala bangsa yang telah menumpahkan ta'at setia dan kaseh sayang-nya kepada negeri ini, sa-kali pun ia daripada parti yang lain.

Saya berharap mudah²an, ranchangan ini dapat sokongan yang kuat daripada semua penduduk yang bernaong di-bawah panji² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jejebu Jempol): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam mengemukakan chadangan-nya

telah menegaskan bahawa segala kemajuan yang akan di-peroleh dalam ranchangan ini dari sa-tahun ka-satahun akan di-bentangkan di-dalam Dewan ini. Jadi dalam perbahathan ini, berdasar dengan ucapan itu, tidak payahlah berchakap panjang lebar dan men-chachi pula ranchangan ini. Saya ter-tarek hati benar seruan atau pun jaminan yang di-beri oleh wakil PAS ia-itu parti-nya akan memberi kerjasama dalam melaksanakan ranchangan ini. Tetapi apa yang saya khuatirkan ia-lah kalau sa-kira-nya jaminan atau kata² yang di-beri oleh wakil itu dalam Majlis ini tidak akan di-sambut oleh pemerintah negeri itu. Jadi kalau berdo'a saperti yang di-katakan oleh PAS mari-lah kita bersama² berdo'a, mudah²an Tuhan membuka pintu hati pemerintah kedua² buah negeri itu supaya menerima ranchangan yang di-kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ranchangan ini telah mendapat tentangan daripada pehak Socialist Front yang mana saya rasa tentangan itu bukan-nya di-dasarkan untok kepentingan ra'ayat, melainkan ada-lah kepentingan parti-nya sendiri. Saya tahu faham Socialist Front ini—ia akan maju dan dapat sambutan kalau sa-kira-nya keadaan ra'ayat menderita dan

Mr. Speaker: Di-bawah Standing Orders tidak boleh memberi salah sangka kepada sa-orang ahli yang beruchap dalam Majlis ini—It is out of order to impute improper motive to another member speaking in the debate.

Enche' Mohamed bin Ujang: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma mengatakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini ada-lah satu ranchangan Kerajaan Perikatan yang bertujuan hendak membaiki kedudukan ra'ayat, dengan yang demikian penderitaan ra'ayat akan habis.

Lagi satu, berkenaan dengan apa yang di-katakan oleh wakil daripada Ipoh, ia-itu ranchangan hendak mengadakan International Airport itu hendak-lah di-hapuskan, chuma di-satukan dengan Singapura sahaja. Saya tidak-lah hendak mengatakan hal ini, akan tetapi belum-lah lagi nampak-nya yang negeri ini

akan bersatu dengan Singapura. Adakah patut kita batalkan sahaja rancangan International Airport kita itu kerana Singapura sudah ada. Ini satu perkara yang tidak munasabah oleh sebab kita tidak boleh mengharapkan benda yang ada di-negeri itu dan dibatalkan pula apa yang ada di-negeri ini.

The Assistant Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr. Speaker, Sir, I rise to reply to a few comments made by Members of the Opposition regarding unemployment.

Sir, in reply to the questions raised by the Honourable Members for Kota Bharu Hilir and Bachok, I wish to say that it is not true when he said that the employment of kampong labour is not included in the Second Five-Year Plan. If the Honourable Members—and also the Honourable Member for Bungsar—would look at pages 17 and 18 of the Plan, on the subject of production and employment targets, he would find there is mention of labour in the rural and kampong areas and how the scheme is to give these people jobs. People from kampong areas are not prevented to come to towns to seek employment, but the drift should not be allowed to grow bigger and thus increase the problem of unemployment in the towns, and for that reason the Government has put up schemes for rural development, giving opportunities for people in the rural areas to get jobs nearer their homes.

Sir, I wish to deny the allegation by the Honourable Member for Kota Bharu Hilir when he said that employment exchanges are not accepting people from kampongs. In fact, Sir, we are increasing the number of employment exchanges in the smaller towns in order to give opportunities to rural people to register for work.

The Honourable Member for Bungsar has suggested the need for legislation on wage rates. This suggestion is contrary to the Government's labour and industrial relations policy. The policy of the Government is to encourage the voluntary system of negotiation and collective bargaining. The suggested legislation will affect adversely those workers, who are

earning better wages than would be provided for by the minimum requirements. In places, where it is difficult for workers to organise themselves, Government would use the Wages Councils Ordinance. Again, for the information of this House, I wish to say that 42,853 people found jobs through our employment exchanges from 1956 to 1960. This number, of course, does not include the thousands of casual workers employed through our exchanges in Port Swettenham for the years 1959 and 1960 and it also does not include the thousands of workers who have found jobs direct without the assistance of the employment exchanges.

Dato' Onn bin Ja'afar (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berchakap menyokong Rancangan Lima Tahun ini, saya harap tidak ada Ahli² Yang Berhormat yang akan menuduh saya sabagai sa-orang seteru; kalau boleh saya menggunakan perkataan itu, kalau tidak boleh, tali barut.

Mr. Speaker: Tali barut tidak boleh, seteru boleh.

Dato' Onn bin Ja'afar: Sa-bagai seteru kapada Kerajaan Perikatan oleh kerana Ahli² Yang Berhormat tentulah ingat pada persidangan yang pertama kita sa-kalian di-Dewan ini, saya telah menerangkan kedudukan dan perdirian saya sa-bagai sa-orang Ahli Dewan ini ia-itu saya akan menyokong segala rancangan atau ikhtiar yang di-terbitkan daripada Kerajaan sa-kiranya rancangan dan ikhtiar itu memberi kebajikan kapada ra'ayat negeri ini dan jika sa-balek-nya saya akan menentang. Rancangan ini ada-lah satu rancangan yang tegas yang bermaksud tinggi dan jauh pandangan-nya tetapi harus juga rancangan ini boleh di-katakan lebeh besar daripada yang di-kehendaki.

Timbalan Perdana Menteri di-dalam ucapan yang pertama telah mengatakan ia-itu tujuan rancangan ini ia-lah menggalakkan kemajuan di-kampong². Maka saya sangat² kuat menyokong tujuan itu tetapi kalau kita perhatikan peruntukan wang yang ada di-untokkan di-dalam rancangan ini barangkali saya tidak tersilap membacha-nya

tetapi pada pendapat saya ia-lah sa-banyak \$431 juta sahaja di-untokkan, berbanding dengan jumlah \$2,150 million ia-itu sa-banyak 20 peratus sahaja. Peruntukan itu ada-lah kerana tali ayer \$100 million, kerana pembukaan tanah \$191 million, kerana RIDA \$10 million, kerana kesihatan di-kampong² \$40 million, kerana jalan² di-kampong dan jalan² negeri \$90 million maka jumlah-nya \$431 million. Sung-goh pun di-dalam ranchangan ini ada di-susun apa-kah perkara² yang lebeh mustahak tetapi kalau kita bacha baik² penyata ini maka kita tidak dapat hendak tentukan susunan-nya yang betul di-mana yang hendak di-dahulu-kan dan mana yang hendak di-ke-mudiankan. Pada pendapat saya sendiri, susunan itu tidak-lah sa-kata bagi tiap² sa-buah, oleh kerana ke-hendak satu² negeri itu ada-lah ber-lainan, umpama-nya kehendak² negeri Selangor ini tentu-lah berlainan dari-pada kehendak² negeri Kelantan, Treng-ganu atau pun Pahang. Di-Trengganu, Kelantan dan Pahang pada pendapatan saya sendiri, ada-lah priority atau susunan yang pertama itu hendak mengadakan jalan raya lebeh dahulu daripada semua perkara yang lain. Oleh kerana sa-kira-nya di-adakan jalan² keluar dan masuk daripada kampong² dan sa-kira-nya di-adakan jalan² yang di-katakan State Road itu—jalan² yang di-jaga dan di-belanjakan oleh Kerajaan negeri itu maka itu akan membuka peluang supaya dapat di-adakan lain² ranchangan terutama sa-kali mengadakan perubatan, mengada-kan pelajaran, mengadakan perniagaan dan sa-bagai-nya di-dalam negeri² sa-bagaimana Kelantan, Trengganu dan Pahang hari ini. Saya memuji kepada wakil Larut Selatan dalam ucapan-nya yang sudah, ia-itu satu usaha pada pendapat saya ada-lah chukup terang dan chukup kemas sesuai di-atas satu² perkara yang mustahak serta menerangkan perkara² yang mustahak ada di-sebutkan dalam Ranchangan Lima Tahun ini. Pehak pembangkang telah mendatangkan berbagai² jenis tegoran tetapi sunggoh pun elok segala tegoran² itu patut di-adakan oleh pehak pembangkang itu tetapi kepada Ahli Yang Berhormat pehak pembangkang ini, saya minta-lah kepada tiap² sa-orang

itu kita chuba dahulu jalankan ranchangan ini, kemudian dalam masa lima tahun yang akan datang (*Tepok*), kalau sa-kira-nya nampak tidak maju itu tempoh kita tegor dengan sa-kuat²-nya, tetapi pada masa ini beri-lah peluang kepada Kerajaan menjalankan ranchangan ini daripada kita hanya mendatangkan tegoran di-atas jenis chubaan yang berkaitan dengan ran-changan ini. Saya sendiri chukup puas hati berkenaan dengan pengakuan Kerajaan akan dapat mengadakan per-belanjaan dari segi Kerajaan sendiri atau yang di-katakan Public Sector itu dan saya sudah berkata ia-itu it is nonsense.

It is nonsense to say, as one Honour-able Member alleged, that this Five-Year Plan would be a flop. I see no reason why it should be a flop provided everybody in this country—from the highest to the people living in the kampongs—put their hands to the wheel and endeavour to make it a success. (*Applause*). The credit for pro-ducing this Five-Year Plan must un-doubtedly go to the Alliance Govern-ment (*Applause*), but this National Development Plan should not be construed purely as an Alliance programme or an Alliance initiative. (*Laughter*). It should be construed as a National pro-gramme. (*Applause*). No amount of planning, whether it be the Red Book or a blue-print, would make any plan a success without the co-operation and willingness of everybody concerned.

Ranchangan yang ada di-hadapan Dewan ini boleh-lah di-katakan mula² sahaja oleh kerana tidak dapat tidak pada tahun² yang akan datang akan ada-lah ranchangan² yang lebeh luas lagi yang lebeh memberi kesan lagi dan dari itu tiap² sa-orang dalam negeri ini mesti-lah menghadapi satu hal perkara yang sa-benar-nya ia-itu tanggungan kepada diri kita dan keturunan kita yang ada pada hari ini dan juga kepada keturunan yang ada akan datang ada-lah berat dan tidak dapat tidak sa-kira-nya dengan sa-benar-nya hendak di-jadikan negeri ini sa-buah negeri yang bebas dan ma'amor maka tiap² sa-orang ra'ayat dan penduduk²-nya itu mesti hadapi ia-itu mesti berkorban dan

menanggung bebanan menerima kenai-kan chukai dan sa-bagai-nya kira-nya hendak di-hasilkan maksud yang sa-umpama ini. Saya lebih suka kira-nya ranchangan ini tidak di-jadikan ranchangan lima tahun bahkan di-jadikan ranchangan tiga tahun, oleh kerana dalam masa tiga tahun itu akan dapat di-jalankan kerja dengan lebih deras atau lebih pantas daripada di-adakan ranchangan lima tahun, tetapi oleh kerana Kerajaan Perikatan sudah pun mengadakan ranchangan lima tahun itu dari itu kita ucapkan terima kaseh dan saya minta kepada Ahli² Dewan ini supaya menerima ranchangan ini sa-bagai satu tapak kemajuan bagi negeri ini. (*Tepok*).

Sa-belum saya duduk saya suka juga hendak menyambong tegoran daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh berkenaan dengan padang kapal terbang yang di-chadang hendak di-bangunkan oleh Kerajaan dengan belanja \$48.2 million. Kerajaan sendiri belum ada mengeluarkan sebab² yang menasabah akan patut-nya di-adakan padang kapal terbang yang sa-umpama ini oleh kerana pada pendapat saya sendiri Kuala Lumpur ini tidak akan di-jadikan terminal airport yang akan di-gunakan oleh kapal terbang untuk perjalanan ka-Australia atau pun ka-negeri² di-sabelah Timor Jauh, oleh kerana di-Bangkok itu terminal airport yang menuju ka-negeri China dan Jepon manakala Singapura itu-lah airport yang menuju ka-Australia. Dari itu kita harap Kerajaan akan dapat menimbang-kan sa-mula berkenaan dengan hendak mengadakan padang kapal terbang ini dan di-gunakan wang \$48.2 million itu untuk kemajuan kampung daripada hendak di-dirikan sa-buah padang kapal terbang dengan harga \$48.2 million itu.

Bagitu juga saya suka hendak me-nyebutkan berkenaan dengan hal² pelajaran ia-itu pada tahun dahulu Dewan ini telah membahathkan Pen-nyata Rahman Talib dan kalau tidak salah dalam ingatan saya maka pehak Kerajaan Perikatan telah bersetuju me-nerima supaya di-adakan pelajaran perchuma dalam negeri ini pada tahun 1962, tetapi kalau kita bacha dalam Ranchangan Lima Tahun

ini tidak ada tersebut sa-patah pun ber-kenaan hendak mengadakan pelajaran perchuma itu. Maka di-sini saya berasa ia-itu Menteri Pelajaran waktu me-nerima shor daripada Penyata Pelajaran dahulu sanggup mengadakan pelajaran perchuma pada tahun 1962 hanya-lah menjalankan satu propaganda Per-ikatan untuk mengabo² mata ra'ayat. Ah! Kerajaan akan mengadakan pe-lajaran perchuma, tetapi tidak di-ada-kan. Sa-benar-nya ada-kah masa ini patut di-adakan pelajaran perchuma, oleh kerana kalau kita perhatikan ka-pada dasar pelajaran daripada dahulu maka di-sekolah² Melayu ini itu-lah sahaja yang telah di-berikan pelajaran perchuma dan sa-kira-nya hendak di-beri pelajaran perchuma dengan belanja \$262 million sa-tahun meningkat ka-pada \$600 million lebih maka yang sa-benar-nya akan mendapat pelajaran perchuma itu bukan-lah anak² Melayu bahkan anak² lain orang. Yang saya sendiri tidak berfikir ia-itu sama ada Kerajaan Perikatan, atau pun Kerajaan Socialist Front, atau pun Kerajaan Tindakan Ra'ayat, atau pun Kerajaan PAS, atau pun Kerajaan Parti Negara (*Ketawa*) dapat mengadakan pelajaran perchuma sa-kurang²-nya sa-hingga 20 tahun lagi.

Ada pun kemajuan atau kejayaan ranchangan ini akan bergantung kepada ketegohan tiap² sa-orang sama ada Menteri atau pun pegawai² Kerajaan atau pun lapisan² yang ka-bawah dari-pada itu akan bergantung di-atas ke-tegohan tiap² orang supaya tidak wang yang bagini banyak di-untukkan kerana Ranchangan Lima Tahun ini tidak akan di-salah gunakan. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat tentu-lah tahu oleh kerana perchakapan yang banyak dalam negeri ini dan sa-bagaimana kata pepatah: "Kalau tidak ada angin bertiup masakan pokok bergoyang" ia-itu dalam negeri ini memang ada banyak corruption daripada lapisan yang di-atas sampai-lah ka-lapisan di-bawah. Kita dalam negeri ini ada mempunyai sa-buah anggota, sa-buah pejabat yang di-namakan Anti-Corruption Agency.

Tetapi kalau kita perhatikan per-jalanan Anti-Corruption Agency ini apa-kah sa-benar pekerjaan-nya, sa-lain daripada hendak menangkap ikan

bilis itu sahaja yang nampak pada saya. Maka sa-kira-nya hendak menghapuskan corruption dalam negeri ini—Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sa-malam telah menerangkan satu kejadian di-negeri Perak, barangkali sa-bagai mencontohkan bagaimana corruption ini merebak, bukan-nya pada lapisan bawah tetapi pada lapisan di-atas. Dari itu saya harap pehak Kerajaan akan menggunakan Pejabat Anti-Corruption ini supaya sa-benar²-nya meyasat, barangkali ia tidak boleh dapat keterangan-nya, tetapi menyiasat boleh, sa-kurang²-nya untuk membersehhkan nama orang² yang barangkali di-tudoh ada menjalankan corruption itu. Kerajaan tidak patut mendiamkan diri-nya atau melalaikan berkenaan dengan corruption dalam negeri ini, dan dari itu saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil tindakan yang keras di-atas segala jenis corruption yang ada berjalan dalam negeri ini, kerana sa-lagi corruption ini tidak dapat di-hapuskan, maka saya perchaya banyak daripada wang² yang di-utorkan kerana kemajuan negeri ini sama ada kemajuan di-kampung atau pun kemajuan pada segi yang lain akan di-salah gunakan, dan harus akan hilang begitu sahaja.

Saya tadi geli hati mendengar Ahli Yang Berhormat dari Lipis yang membangkitkan wang \$10 juta yang di-utokkan untuk membangun atau mengadakan Duta, pejabat Duta dan lain²-nya itu. Dan apabila saya mendengar perchakapan-nya itu maka saya terfikir ia-itu Duta yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis itu bukan-lah Duta yang sa-benar-nya menjalankan pekerjaan Duta, melainkan ia sa-bagai "commercial attache" atau penolong dalam pejabat Duta untuk menyelenggarakan kerja perniagaan.

Ini-lah sahaja tegoran saya, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perbahathan ini telah mengambil masa yang lanjut, tetapi bagi mengakhiri perchakapan saya ini, saya minta kepada Ahli Yang Berhormat pehak pembangkang terutama sa-kali, terima-lah ranchangan ini, beri-lah peluang kepada pehak Kerajaan menjalankan ranchangan ini. Kalau sa-kira-nya dalam

masa dua tahun maka nampak ranchangan ini akan gagal atau pun nampak ranchangan ini tidak di-jalankan sa-bagaimana yang di-kehendaki, maka pada waktu itu saya perchaya tiap² sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat pehak pembangkang—saya gunakan perkataan orang Kelantan—akan "gode" Kerajaan (*Ketawa*). Saya sudah dengan berharap supaya Majlis ini menerima ranchangan ini sa-bagaimana yang patut di-terima (*Tepok*).

The Minister of Education (Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib): Tuan Yang di-Pertua, perbahathan atas usul yang di-majukan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua telah memakan masa hampir² dua hari, dan dalam tempoh itu banyak di-antara Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali daripada pehak pembangkang telah memberi berbagai pandangan dan pendapat-nya dengan perkataan² yang chukup banyak, tetapi tidak mengandungi apa² perkara yang bernas dan membena. Saya tidak berhajat berchakap panjang, tetapi saya suka hendak menjawab sa-tengah daripada tegoran 'am yang di-majukan oleh pehak pembangkang, dan yang kedua-nya hendak menjawab tegoran² yang khas di-datangkan atau pun di-tujukan kepada ranchangan kemajuan pelajaran. Tetapi, terlebih dahulu saya ingin hendak menjelaskan supaya kita mendapat fahaman yang luas dan sa-penoh²-nya bahawa ranchangan atau plan ini adalah rangka kemajuan untuk ranchangan kemajuan bagi lima tahun yang akan datang. Jadi jika di-mithalkan sa-bagai satu usaha hendak membena satu bangunan, dan kita sekarang hendak membena bukan bangunan, tetapi bangsa atau pun negara yang kuat; plan ini boleh-lah di-mithalkan sa-bagai "structure plan"—plan yang menjadi rangka. Dan sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tiap² tahun akan di-buat satu plan yang di-namakan barangkali "working plan" bagi tahun itu, dan ranchangan bagi tiap² satu tahun akan di-bentangkan dalam Majlis ini untuk

di-luluskan oleh Dewan ini, dan peruntukan bagi tiap² tahun itu akan di-buat mengikut rangka yang telah ditentukan dalam plan yang besar ini.

Satu perkara lagi yang patut kita faham betul² ia-lah bahawa ranchangan ini ia-lah perbelanjaan pokok atau pun capital expenditure; sa-lain daripada ranchangan pokok atau pun capital expenditure ada lagi satu jenis perbelanjaan yang di-namakan "recurrent expenditure." Jadi kedua² ini ada berlainan, tetapi sunggoh pun ia berlainan, ada kait-mengait dan perhubungan di-antara satu sama lain, sa-olah² saperti aur dengan tebing. Jadi apabila kita faham perkara² ini dengan 'am-nya, maka dapat-lah kita mengikut dengan jelas plan atau pun rangka yang di-majukan bagi pertimbangan Majlis ini.

Saya telah katakan tadi bahawa saya ingin hendak menjawab sa-tengah daripada tegoran 'am-nya yang di-majukan oleh pehak pembangkang. Perkara yang pertama saya perhatikan dalam perbathatan dua hari ini, kerana saya telah mengikut perbathatan ini dengan teliti ia-lah pehak pembangkang berasa sangat susah hendak menchari salah dalam ranchangan yang telah di-majukan untuk pertimbangan Dewan ini. Agak-nya, kerana ranchangan ini ta' ada salah-nya atau pun sa-kurang²-nya sedikit benar salah-nya yang ada dalam ranchangan ini.

Jadi, dengan sebab itu mereka berpusu² kepada satu perkara yang tidak ada kait-mengait dengan ranchangan yang ada di-hadapan kita ini, ia-itu mereka menyatakan bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama ia-itu bagi tahun 1956-1960 telah tidak berjaya atau pun gagal. Dan mereka asaskan pendapat mereka itu, hanya-lah sa-telah mereka memerhatikan angka² wang yang telah di-belanjakan daripada peruntukan yang di-tentukan bagi Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama dahulu. Angka² yang ada di-fasal 2 sampai 8 menunjukkan bahawa banyak pejabat² atau Kementerian yang tidak memenohi perbelanjaan-nya saperti yang mula² di-ranchangkan. Jadi, apabila mereka menileki angka² itu maka mereka

mengambil keputusan bahawa ranchangan tahun yang pertama itu telah gagal.

Saya katakan bahawa banyak atau sedikit-nya wang yang telah di-belanjakan untuk menjalankan satu² ranchangan itu tidak-lah boleh di-jadikan ukuran sama ada ranchangan yang pertama itu gagal atau tidak. Yang patut menjadi ukuran ada-kah tujuan dan mu'tamat bagi ranchangan yang pertama itu telah di-chapai dengan perbelanjaan yang sedikit sa-bagaimana yang telah di-belanjakan itu. Saya katakan, jika kita tidak menchapai dengan sa-penoh-nya tetapi hasil yang di-tunjokkan dalam penyata ini menunjukkan kita telah berjaya sa-bagaimana kita tujuan dalam masa lima tahun yang pertama itu. Saya bagi satu chontoh, sunggoh pun dalam lapangan pelajaran kita hanya mendapat membelanjakan 64 peratus sahaja daripada anggaran yang patut kita belanjakan, tetapi salah satu mutalimat dasar pelajaran kita ia-itu hendak mengadakan tempat kepada tiap² sa-orang kanak² yang berumur di-antara 6 hingga 12 tahun di-sekolah² rendah, maka tujuan kita itu telah hampir terchapai kerana 95 peratus daripada kanak² itu telah di-adakan tempat dalam tahun 1960.

Perkara yang kedua yang saya hendak jelaskan di-sini ia-lah saya sunggoh hairan dengan pendapat² puak pembangkang terutama sa-kali daripada PAS atas Ranchangan Kemajuan Lima Tahun kita ini. Saya katakan begitu kerana pada 6 haribulan February ini, ia-itu pada hari mula² Dewan ini ber-sidang, ada satu head line, di-dalam *Utusan Melayu* yang mengatakan bahawa wakil daripada Besut ada-lah tidak bersetuju dengan ranchangan kemajuan Kerajaan ini kerana ranchangan ini ia-lah untuk mengabui mata ra'ayat. Apabila saya membacha cherita itu, saya mengagakkan bahawa tentu-lah ranchangan kita yang kedua ini akan mendapat tentangan yang hebat daripada wakil² puak pembangkang terutama-nya PAS. Jadi, apabila wakil Besut beruchap saya pun dudok-lah memasang telinga dengan chermat-nya hendak mengikut apa-kah perkara² yang kelak akan di-bangkang oleh

wakil daripada Besut yang menjadi ketua dalam kumpulan itu. Tetapi saya dapati, akhir-nya, wakil daripada Besut menyokong pada dasar-nya ranchangan yang di-pandang oleh wakil daripada Bachok sa-bagai satu ranchangan yang mengabui mata ra'ayat itu (*Tepok*). Saya tidak tahu ada-kah wakil daripada Bachok dan wakil daripada Besut ini berlain² pendapat-nya, atau ada-kah pendapat di-luar Parlimen berlainan daripada pendapat dalam Parlimen. Ini-lah satu perkara yang membingungkan saya pada masa mengikuti perbahathan dalam Dewan ini.

Perkara yang ketiga yang hendak saya sebutkan ia-lah berkenaan dengan prinsip ia-itu perkara yang menjadi pokok yang telah di-majukan oleh wakil Bachok sendiri ia-itu berkenaan dengan peruntukan dari segi ekonomik sector dengan social sector dan mengesahkan bahawa patut-lah di-beri keutamaan kepada social sector. Sa-benarnya saya menyokong pendapat-nya itu tetapi saya juga sedar bahawa kemajuan dan perkembangan social sector seperti pelajaran, kesihatan dan sa-bagai-nya, ada-lah bergantung kepada perkembangan ekonomi kita kerana perbelanjaan yang hendak di-gunakan untuk perkembangan kemajuan masyarakat hanya dapat kalau ada-nya perseimbangan dengan kemajuan ekonomi kita. Jadi, dengan sebab itu, sungguh pun bahagian peruntukan social sector tidak-lah bagaimana yang di-hajatkan oleh Kementerian² yang bertanggung jawab berkenaan dengan-nya, tetapi menimbangkan kepada kepentingan negara, bahawa saya ada-lah berpuas hati dalam bahagian yang di-untukkan bagi pembangunan pelajaran ini.

Sa-lepas itu, Tuan Yang di-Pertua, biar saya menjawab sa-tengah daripada tegoran² yang di-tumpukan khas kepada Kementerian Pelajaran. Ada satu perkara yang telah mendapat perhatian oleh tiga Ahli² dalam Dewan ini. Yang pertama wakil daripada Bungsar, yang kedua wakil daripada Ipoh, yang ketiga dan yang akhir sekali wakil daripada Kuala Trengganu Selatan, ia-itu ranchangan ini tidak memberi jaminan yang pelajaran perchuma pada semua murid dalam sekolah rendah akan diadakan dalam tahun 1962. Jadi dengan

sebab tidak ada-nya akuan ini, ketiga² wakil itu telah menuduh bahawa kita ada-lah bertujuan hendak mengabui mata ra'ayat pada masa kita memajukan pelajaran itu dahulu. Ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan ini mengikut rekod-nya, tidak pernah mengabui mata ra'ayat; dan dalam hal ini fahaman ketiga² orang Ahli itu-lah yang kabor (*Tepok*); kerana ranchangan yang ada di-hadapan kita ini ada-lah ranchangan kemajuan—capital expenditure tidak-lah ada kait-mengait-nya dengan Free Primary Education itu. Hal itu ada-lah berhubung dengan recurrent expenditure. Sama ada Kerajaan hendak mengabui mata ra'ayat atau fahaman mereka itu kabor, akan dapat di-tentukan pada tahun hadapan atau bila masa memajukan peruntukan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran bagi tahun 1962 kelak.

Satu perkara lagi wakil daripada Ipoh menyentuh berkenaan dengan surat perintah yang saya keluarkan baharu² ini untuk membuka sa-bagai tambahan bagi murid² dari Sekolah Kebangsaan dalam negeri Perak dan dia menyatakan perintah itu meminta supaya 12 buah klas seperti itu hendaklah di-adakan dengan segera. Dia bertanya kenapa tidak di-adakan klas menengah tambahan bagi murid² dari Sekolah China dan Tamil.

Jadi sa-olah²-nya dia menganggap bahawa hal ini ada-lah memberi keistimewaan kepada murid² daripada Sekolah Kebangsaan. Saya suka hendak menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam hal ini bukan-nya 12 klas yang saya suroh tambah tetapi 18, dan sebab-nya yang saya perentahkan supaya 18 klas itu di-buka ia-lah kerana saya dapati markah bahagian C untuk pergi ka-Sekolah² Menengah dengan peluang yang di-beri kepada murid² daripada Sekolah Jenis Kebangsaan yang mendapat tingkatan C, tidak sa-imbang di-Perak. Jadi supaya peluang itu di-persaibangkan bagi murid² daripada apa jenis sekolah-nya, itu-lah yang menyebabkan saya mengeluarkan perintah bagi klas² yang baharu ini akan di-buka lagi. Jadi tidak-lah betul tohmah Ahli daripada Ipoh itu yang menyangkakan saya kepada Sekolah² Kebangsaan.

Satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh wakil daripada Damansara ialah bahawa dasar kita hanya-lah dasar pelajaran, yang pada pandangan-nya, hanya-lah hendak mengeluarkan orang² yang separoh berpelajaran—half educated—supaya dapat di-jadikan buroh. Saya suka menarek perhatian Ahli itu supaya membaca dasar pelajaran kita dan padankan dengan rancangan ini.

Yang ka-empat ialah wakil daripada Dungun yang sentiasa hendak menjadi jagoh bagi wanita². (*Ketawa*). Saya suka hendak menerangkan bahawa rancangan kemajuan bagi pelajaran ini meliputi kedua² jenis—laki² dan perempuan—dan jikalau Ahli Yang Berhormat itu menyiasat jawapan² yang saya beri kepada pertanyaan² yang di-datangkan oleh Ahli² dalam Majlis ini, maka di-dapati-lah peluang yang sama telah dan akan di-beri kepada murid² perempuan sama seperti peluang yang di-beri kepada murid laki². Tinggal lagi kalau sakira-nya wakil daripada Dungun mendapati bahawa kemajuan yang di-dapati oleh wanita di-sini dibandingkan dengan negeri² lain ada-lah lebih mundur, dan dengan sebab itu beliau barangkali merasa terhina, maka tidak-lah sesiapa yang melarang supaya beliau itu pergi ka-negeri yang beliau chintai.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua

Mr. Speaker: Hendak beri keterangan-kah atau apa?

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Hendak beri keterangan, Tuan Yang di-Pertua.

Mr. Speaker: (*To Enche' Abdul Rahman*) Hendak beri jalan?

Enche' Abdul Rahman bin Haji Talib: Sudah pukul satu, Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi perkara yang saya hendak jawab.

Perkara yang akhir sekali ialah tegoran yang di-datangkan oleh wakil daripada Taiping berkenaan dengan Faculty of Medicine. Saya suka menjelaskan bahawa hal ini memang ada peruntukan dalam rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini dan bila-kah

akan dapat di-buka faculty ini bergantung-lah kepada shor² yang akan diterima daripada Board of Studies berkenaan dengan Medical of Faculty yang sedang di-bincangkan pada masa ini. Jadi sa-hingga Board of Studies yang di-tubuhkan di-University untuk menimbangkan berkenaan dengan Medical of Faculty ini memberi penyata-nya, tak dapat-lah saya memberi keterangan yang jelas bila-kah akan dapat di-buka faculty itu. (*Tepok*).

The Deputy Prime Minister (Tun Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pada petang ini Dewan ini tidak dapat bersidang kerana kita akan mendengar ucapan daripada Tuan Yang Terutama President Philippines maka saya menhadangkan supaya persidangan ini di-teruskan sa-hingga pukul 1.30 dan lepas itu di-tanggohkan sa-hingga hari esok.

Mr. Speaker: Jawab-lah. Boleh gunakan right of reply now—ada lagi.

The Assistant Minister of Commerce and Industry (Enche' Cheah Theam Swee): Mr. Speaker, Sir, in the debate on the Five-Year Plan, some have got some of the points, but most have missed the target. If the value of the speeches of the Opposition were comparable to the volume and length of their vocal output, then this House might have something to gain, but unfortunately those were only the factors in which they excelled.

Sir, the main point on which I wish to emphasise is the very clear roar of the Members of the Socialist Front for State projects, or rather State participation in industries, or promotion of industries, and I presume that their underlying policy is a State-controlled economy. To that I must say that, in this free society, we cannot accept the policy of State control. We must first give consideration to the fact that every citizen must be given the opportunity to live according to his personal desires and values. This basic freedom for the consumer must logically be counter-balanced by the freedom for the producer to make and sell what he believes to be marketable. That is what we found after studying individual needs to be essential and likely to succeed. Freedom

for the consumer and freedom to work must be explicitly recognised as invaluable basic rights for every citizen. Democracy and a free economy must be as logically linked as are dictatorship to State control.

Mr. Speaker, Sir, the Honourable Member for Damansara has put it in no uncertain terms that this country must embark on a plan of State control, but he refrained from saying or did not say that State control can only be practised by a dictatorship, and this dreadful system, Sir, I am sure, cannot be accepted by our people.

Let me now turn to the specific remarks made by the Honourable Member for Bungsar, who made an attack on the possibility of technological unemployment. Sir, this is a question which faces all nations when they progress. Sir, under my Ministry, we will be setting up, if he had read the Plan at all, a productivity centre in which the problems of mechanisation and automation will be discussed, and problems arising from lesser employment as a result of mechanisation and automation will be resolved by a tripartite body, consisting of employers, workers and Government; and the M.T.U.C. has agreed that this system will function.

Sir, perhaps, the great fear of the Honourable Member for Bungsar on this question of technological unemployment is that there is a possibility that those who are technically trained in the technique of tongue-wagging might become unemployed. (*Laughter*).

The other question raised by the same Honourable Member too is in regard to capital investments that have gone into the country's industrialisation. He has said that all the investments in pioneer industry today are foreign. Sir, if my simple arithmetic has not deserted me, the figures show that up-to-date the foreign capital invested in this country is \$27,254,172 and the local capital is \$26,349,089 which is about in parity with each other. Sir, this all goes to show the mentality and, perhaps, lack of looking carefully into the Plan or the figures

that are published on the part of the Members of the Socialist Front.

Further, the Honourable Member for Bungsar, turned to the question of the possibility of the price of rubber deteriorating. Sir, nobody can deny that we are, as a primary producer, nakedly exposed to violent price fluctuations. However, Sir, in assessing all these, we have taken account even of the possibility of an earthquake on account of which perhaps production will fall, or of other natural calamities that might occur. He also spoke of the threat by synthetic with particular reference to the U.S.S.R., who he says is embarking on the manufacture of synthetic at a very low cost. Sir, I fail to see how this proposition can lead this House into believing him. The U.S.S.R. makes use of the theory of the mobilisation of human resources, as the Honourable Member for Damansara puts it, whereby the question of cost never comes in, and how the information gets to the ears of the Honourable Member for Bungsar is for us to judge. As I have said, we take all the facts, all the particulars that are accessible in this world, into consideration in order to judge the long term prospects of rubber. But, perhaps, the Honourable Member for Bungsar's information from the U.S.S.R. might be better than mine.

Sir, I do not wish to take up any more time, except to say that many of the points with regard to the Plan have been ably dealt with in this House by the Honourable Member for Taiping (Larut Selatan) to whom I am very grateful and I, therefore, say that the points which have been raised against my Ministry, in particular in regard to the industrialisation programme and the replanting programme do not arise at all.

Mr. Speaker: May I appeal to you? I must finish this debate at half-past-one o'clock and I have to give the right of reply to the Honourable Mover.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang): Mr. Speaker, Sir, I will try to make my speech as short as possible. I am standing up to reply to what has been alleged by the opposite side against our side. To begin with, I must say that

there is contradiction in the speeches made by the Ministers themselves. For example, the speech made by the Acting Minister of Commerce and Industry that he is prepared for an earthquake in respect of the price of rubber is not the same as the statement made by the Honourable the Minister of Finance, who stated that the Second Five-Year Plan was based on the price of rubber at 80 cents and that if the price became too low, then the Plan would not be able to succeed to the extent that was envisaged.

Regarding his accusation of dictatorship on our part regarding the economic programme, I remember quite clearly that our Member for Tanjong has said that on the land settlement scheme, it should be on a voluntary basis and, as such, there is no dictatorship involved. Then again the Acting Minister of Commerce and Industry mentioned about State-controlled economy. He has stated that he does not see why there need be such a control of the economy. I would say that the reason why he does not think that there is need for State control is because he wants to give a chance to the private capitalists to prosper more and more at the expenses of the moneyless, the poor people.

Again, the Minister of Education made a remark that he did not hear of any accusation of mistakes made by the Opposition side. I would like to assure him that the Opposition considers that there are plenty of mistakes and, in fact, I am able to give them in detail if the time allows. One thing which I can say regarding his Ministry is that, in the Second Five-Year Plan, there is not enough emphasis on training on the technical and vocational side for the children who have passed out from the primary schools. The reason given by the Deputy Prime Minister was that the grown-ups have to be taken care of first, and if this is the case then by the time these younger people become grown-ups they would be miserably off if they are not given the chance of being provided with fairly advanced, modern, up-to-date vocational and technical training to fit in with the requirements of the so-called new rural

development and industrialisation scheme.

Sir, I should think that the biggest mistake of this Second Five-Year Plan is that the Government is using public money, or is going to use public money, to expend on projects which would eventually give a chance to private capitalists to reap the most from our profits. For example, we know that in the rural development scheme, there is no mention of how the Government is going to help the farmers, who may be lucky enough to get the 8 acres of land given under the scheme, to grow their food. Supposing, if we have understood it clearly, that these people who are entitled, eligible, to apply for land are the landless people, the poor people, or moneyless people, then from whom are they going to get the money to finance their agricultural projects? Most of the money which the Government has mentioned is going to be spent on road-building, on clearing the land; but what about the buying of various materials required for the planting of those products? So eventually those poor people will have to rely on moneylenders, and maybe on bankers—we have seen a lot of banks coming up, insurance companies trying to get plenty of money for this purpose for the banks to lend money to the poor people. The Government would say that this is a good thing as the capitalists are helping the people. But what would be the result of this sort of helping the people? I would ask whether any bank would simply lend the money without security, and what sort of security can these poor farmers provide? They would have to mortgage their land—and we know that under the scheme the Government has said that this is different from the previous new village land: under the previous new village land, the settlers themselves are not allowed to alienate their land, they cannot have title deeds to their land. Under the present new development scheme, the farmers can own land, but when they mortgage their land to the bankers and cannot pay up in time to come, then the land will become the property of the bankers instead of the farmers. In this way, Sir, I would predict that the net result would be that it is the capitalists who will reap the

fruits of development at the expense, toil and sweat of the poor people. This, Sir, is what I consider is the biggest mistake of the Second Five-Year Development Plan, and I say so simply because the Government is for the capitalists; it is a Government which is advocating for free enterprise for the benefit of people with capital and, therefore, we cannot hope that such a Government can really have a plan that will see to the economic uplift of the poor people as a whole.

Sir, I have written three pages (*Laughter*), but to be fair, I think I had better stop here. (*Applause*).

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perbahathan dalam chadangan ini telah mengambil masa dua hari lama-nya, dan bagi menjawab pandangan² itu saya tidak-lah hendak mengambil masa yang panjang. Saya hanya suka yang pertama sa-kali menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah menyokong Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini, dan begitu juga banyak daripada pandangan² dan tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat telah pun di-jawab oleh rakan saya Menteri² dan Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Perikatan dalam Dewan ini. Hanya-lah ada beberapa perkara sahaja yang saya suka menerangkan sedikit, yang pertama sa-kali ia-lah Ahli² Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir dan Pasir Mas Hulu yang ada mengatakan bahawa Kerajaan pada masa ini tidak ada mempunyai "planning unit". Ini satu pandangan yang silap, sebab yang sa-benar-nya Kerajaan ada "planning unit" ia-itu Economic Secretariat sekarang ini yang menjalankan plan dan segala rancangan Kerajaan. Akan tetapi, oleh sebab pekerjaan bagi menjayakan Rancangan Lima Tahun ini bertambah banyak dan luas, maka Kerajaan akan membesar dan meluaskan lagi Economic Secretariat dan akan mengadakan suatu Economic Planning Unit.

Dan begitu juga pandangan Ahli Yang Berhormat yang kedua itu yang mengatakan Kerajaan tidak ada mempunyai "Unemployment Survey". Yang sa-benar-nya, sunggoh pun "Unemployment Survey" ini mustahak dan

berguna, akan tetapi kita boleh menjalankan planning dengan tidak payah mempunyai "Unemployment Survey"—dengan mempunyai hanya-lah yang di-katakan "Sample Survey". Jadi dari satu masa ka-satu masa Kerajaan ada mengadakan "Sample Survey", dan keterangan yang dapat melalui "Sample Survey" boleh di-katakan memberi puas hati, dan menurut "Sample Survey" Kerajaan telah menjalankan siasatan dan juga telah mengatorkan rancangan yang terkandung dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini.

Dan lagi ada beberapa Ahli Yang Berhormat dari pehak pembangkang mengatakan Rancangan Lima Tahun Yang Pertama itu tidak berjaya. Ini pun satu pandangan yang saya fikir tidak menepati dengan keterangan yang diberi dalam muka 2 yang mana ada disebutkan dalam masa lima tahun yang lalu ia-itu tahun 1956-60 barang² keluaran telah bertambah lebeh kurang 20 peratus, dan sunggoh pun bilangan isi penduduk bertambah 3.3 peratus, tetapi barang² keluaran bertambah 20 peratus. Maka ini menunjukkan Rancangan Kemajuan Yang Pertama itu ada menambah dan membaiki taraf hidup ra'ayat negeri ini. Dan saya telah terangkan juga hanya 15 peratus sahaja daripada wang peruntukan bagi rancangan yang pertama itu tidak di-jayakan. Jadi 85 peratus itu telah di-jayakan, sunggoh pun kita terpaksa menghadapi kesulitan² seperti dharurat dan juga world trade recession tetapi kita berjaya menjalankan 85 peratus daripada rancangan yang di-untukkan itu.

Saya suka menjawab pandangan yang di-datangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok yang mengatakan dalam menjalankan rancangan² kemajuan terutama sa-kali pembangunan luar bandar ini ada pileh kaseh. Saya suka menegaskan kepada Dewan ini bahawa perkara ini tidak ada berlaku. Dalam Buku Merah ada di-terangkan bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini hendak-lah di-sediakan oleh ra'ayat itu sendiri ia-itu di-sediakan oleh wakil² ra'ayat di-peringkat jajahan oleh Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar Jajahan, dan

semua sa-kali ranchangan² yang dikehendaki oleh ra'ayat itu ada dimasukkan dalam Buku Merah dan bagi melaksanakan ranchangan itu menurutlah keadaan² di-tempat itu. Kerajaan akan menjalankan ranchangan² ini menurut kehendak sa-suatu tempat itu dan saya percaya dan saya mengetahui bahawa Negeri² selain daripada Kelantan dan Trengganu Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini ada berjalan dengan sempurna-nya dan ada memberi puas hati pada pehak ra'ayat. Saya tidak dapat bertanggung jawab berkenaan dengan ranchangan² yang dijalankan di-negeri Kelantan dan Trengganu dan saya fikir sebab-nya ranchangan negeri itu tidak dapat dijalankan dengan jaya maka tidak patut perkara ini di-salahkan kepada Kerajaan Perikatan. Kerajaan di-dua buah Negeri itu ada mempunyai ranchangan² yang sendiri dan patut-lah mereka itu menunjukkan kebolehan-nya bagi menadbirkan negeri itu sa-belum menyalahkan pehak Kerajaan Persekutuan. (*Tepok*).

Saya telah terangkan juga dahulu ia-itu Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima dasar kebangsaan kemajuan tanah. Ini bukan soal kuasa, atau pun soal siapa yang patut memegang hal tanah ini. Ini ia-lah semata² yang mereka itu tidak menerima ranchangan kebangsaan. Ranchangan Kemajuan Tanah menurut Group Settlement Act telah pun di-persetujui oleh Dewan ini dan dalam ranchangan ini Kerajaan Persekutuan tidak sedikit pun hendak mengambil bahagian. Kerajaan Persekutuan hanya-lah hendak memberi pertolongan sahaja kepada Kerajaan² Negeri bagi menjalankan ranchangan ini. Akhir² ranchangan ini Kerajaan Kelantan dan Trengganu tidak menerima. Jadi pehak Kerajaan Persekutuan hanya-lah memandang dari kepentingan ra'ayat negeri Kelantan dan Trengganu dan suka hendak menolong melaksanakan Ranchangan² Kemajuan Tanah jika di-kehendaki, tetapi oleh sebab Kerajaan kedua² buah Negeri itu tidak dapat menerima-nya maka tidak dapatlah Kerajaan Persekutuan hendak memberi pertolongan.

Berkenaan dengan pandangan wakil dari Kuala Trengganu Selatan yang

mengatakan pada pandangan-nya sungoh pun bagi diri saya membesarkan Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar tetapi daripada wang yang di-untokkan hanya-lah ada 20 peratus sahaja peruntukan bagi Kemajuan Pembangunan Luar Bandar. Jadi perkara ini tidak benar, sebab saya boleh terangkan di-sini ia-itu wang peruntukan yang memberi keuntungan terus atau pun direct benefit to Rural Areas ia-lah \$1,047 million. Ini yang memberi keuntungan terus kepada luar bandar dan dalam ranchangan² yang lain pehak kawasan² luar bandar ada juga mendapat faedah.

Saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana saya dapati ada memberi sokongan yang kuat dalam Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan ada memberi pandangan berkenaan dengan air-port.

Sir, I would like to explain that the Government considers that Airport is not a prestige project, but a necessity, because, if the Federation of Malaya intends to attract foreign trade, attract foreign travellers and tourists, the Federation must have an airport on which all planes can land. The present facilities in the airport are definitely inadequate, and, therefore, it is desirable for us to have a new airport.

The Honourable Member for Ipoh made very serious allegations about certain allocations of mining land near Ipoh, and he himself admitted that these allegations are very serious in nature. I would like to assure him and this House that the Government will cause an investigation to be made into this. This Government, the Alliance Government, stands for honesty, for a clean Government (*Applause*), and if there is any questionable dealing anywhere, then that matter must be brought to book and any person responsible for that dealing must be dealt with according to law. (*Applause*). I cannot say that what type of inquiry will be made, because it is a State matter, but I can assure this House that I would see to it that some kind of an inquiry is made.

In the same way, the Honourable Member for Kuala Trengganu Selatan has mentioned about corruption. I know that there have been a lot of allegations of corruption throughout the country, but the Government cannot get enough evidence. As I said, we are very anxious to stamp out corruption, and we are doing our best, through our Anti-Corruption Agency to try to get evidence. I know of a lot of talk about it, but we cannot get evidence. We have got to bring the case to Court, and we must have evidence. I therefore hope that the Honourable Members will co-operate with the Government in this. If there is any dishonest dealing in any matter, I do hope that the Honourable Members will bring that to our notice so that we can deal with it without any delay.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja perkara yang saya suka hendak terangkan bagi menjawab pandangan² Ahli² Yang Berhormat, di-dalam perbincangan Dewan ini yang telah bersidang sa-lama dua hari ini yang sa-bahagian besar-nya Ahli² Yang Berhormat Dewan ini ada menerima dan menyokong Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua. Saya berharap rancangan ini kita akan bersama² bekerja dengan kuat-nya bagi menjalankan, menjayakan rancangan kebangsaan kita ini supaya dalam masa lima tahun yang kahadapan ini kita akan dapat melaksanakan semua rancangan² ini dengan sa-penoh-nya dan dapat memberi ra'ayat negeri ini satu taraf hidup

yang baharu yang lebih sempurna dan yang boleh memberi puas hati kepada mereka itu. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House, being deeply conscious of the need to accelerate the rate of economic growth of the country and to redress the economic imbalance between the rural and the urban populations, and recognising that the attainment of the objectives and targets of the Second Five-Year Plan is dependent upon the full co-operation and wholehearted participation of the ra'ayat, approves the proposal of the Government to implement the Second Five-Year Plan with its objectives, priorities and programmes as set out in Command Paper No. 3 of 1961.

ADJOURNMENT

(Motion)

Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pada petang ini Tuan Yang Terutama President Philipines akan berucap kepada Ahli² Dewan ini, saya menhadangkan supaya Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga hari esok.

Dato' V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That further consideration of the business now before the House be deferred to the next sitting day and that the House do now adjourn.

Adjourned at 1.30 p.m.